


Jilid III
Bil. 38



Hari Rabu
12hb Disember, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4385]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 4410]

USUL:
Anggaran Pembangunan, 1974 [Ruangan 4410]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Rabu, 12hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

„ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).

„ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V.T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput)
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AJAD BIN O.T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATUK SRI S.P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAPURAN TANGGA GAJI SUFFIAN

1. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar iaitu pada masa melaksanakan Lapuran Tangga Gaji Suffian, ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang ketika itu tinggal di rumah-rumah Kerajaan dibenarkan tinggal di situ dengan percuma bagi tempoh lebih kurang satu setengah tahun (iaitu mereka menerima gaji penuh tanpa dipotong sewa rumah sebanyak 10% seperti yang disyorkan oleh Lapuran tersebut), dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi faedah pegawai-pegawai yang tidak tinggal di rumah-rumah Kerajaan pada masa itu; adakah Kerajaan akan menimbang membayar elaun rumah kebelakangan kepada pegawai-pegawai ini, dan jika tidak mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, hanya kakitangan-kakitangan yang terdiri dari golongan Bahagian IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar (I.M.G.) yang menerima gaji pokok kurang dari \$160 sebulan dibenarkan tinggal di rumah-rumah Kerajaan Kelas Sepuluh atau Kelas H dengan percuma, dalam masa peralihan pelaksanaan Lapuran Gaji Suffian.

Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telah membuat satu Perjanjian dengan Pihak Pekerja pada bulan Julai, 1968 untuk meliputi golongan yang disebabkan di atas. Dalam Perjanjian tersebut, ada disebutkan dengan tegasnya bahawa sewa ekonomi (economic rental) sebagaimana yang diperakukan oleh Suruhanjaya Suffian akan dikenakan bagi rumah-rumah Kerajaan sebaik sahaja Kerajaan melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya itu mengenai sekim pinjaman wang untuk perumahan. Sekim pinjaman wang perumahan bagi kakitangan-kakitangan dalam golongan I.M.G. dan Bahagian IV telah dilaksanakan mulai dari bulan November 1971. Oleh yang demikian,

sebelum bulan November 1971, kakitangan-kakitangan dari golongan tersebut telah dibenarkan terus tinggal di rumah-rumah Kerajaan dengan percuma.

Satu perkara lagi yang telah dipersetujui dalam Perjanjian tersebut ialah Pihak Pekerja tidak akan menuntut untuk membetulkan sebarang kepincangan (anomaly) yang mungkin timbul dari kejadian-kejadian yang disebutkan di atas. Kepincangan seperti ini adalah dianggap sebagai satu kepincangan yang timbul dalam tempoh peralihan (transitional stage) sahaja. Oleh hal yang demikian, soal membayar elaun rumah kebelakangan kepada pegawai-pegawai berkenaan tidak timbul sama sekali.

BELANJA SARA HIDUP

2. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) peratus kenaikan dalam Belanja Sara Hidup dalam negeri dari 1hb Januari, 1973;
- (b) samada Kerajaan akan memberi Elaun Sara Hidup yang wajar kepada pekerja-pekerja di Sektor Awam dan Badan-badan Berkanun supaya dapat menghadapi kenaikan Belanja Sara Hidup; dan
- (c) samada Kerajaan akan juga menasihatkan majikan-majikan di dalam sektor persendirian untuk menimbang pemberian Elaun Sara Hidup kepada pekerja-pekerja mereka memandangkan kepada kenaikan Belanja Sara Hidup.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peratus kenaikan belanja hidup yang berasaskan kepada angka penjual harga barang-barang pengguna (Consumer Price Index) sebagai panduan dari 1hb Januari, 1973 hingga bulan September, 1973 ialah 11.1.
- (b) Untuk meringankan beban pekerja-pekerja di sektor awam dan badan-badan berkanun yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan belanja hidup, Kerajaan telah meluluskan mulai 1hb Oktober, 1973 pembayaran Elaun Bantuan Khas kepada mereka yang menerima gaji bulanan \$500 dan ke bawah.

(c) Semasa saya membuat pengumuman berkenaan dengan Elaun Bantuan Khas pada 20hb Oktober, 1973 yang lalu, saya telah juga menemui dan berunding dengan pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan beberapa pertubuhan majikan-majikan dan Ahli Yang Berhormat sendiri hadir dalam perjumpaan itu. Saya telah juga menyeru pihak majikan memberi Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja mereka berpandukan kepada Elaun Bantuan Khas yang diberi oleh Kerajaan kepada kakitangan-kakitangannya. Setakat ini beberapa majikan telahpun memberi Elaun Bantuan Khas seperti itu kepada pekerja-pekerja mereka dan bagi majikan-majikan yang belum berbuat demikian perundingan masih dijalankan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Berkenaan perkara No 2 (b) banyak majikan swasta tidak membayar Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan mengeluarkan suatu perintah memaksa majikan-majikan membayar Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja? Pada masa sekarang majikan ada prerogative kalau mereka suka, mereka bayar, kalau tidak suka, tidak dibayar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan tadi mereka itu bukan tidak hendak membayar, tetapi perkara itu sedang dirundingkan di antara pihak majikan dan juga pihak pekerja-pekerja. Saya telah terangkan iaitu mereka hendaklah membayar elaun ini mengikut elaun yang dibayar oleh Kerajaan sebagai panduan. Jadi terpulanglah kepada pihak majikan dengan pekerja-pekerja merundingkan atas perkara itu. Saya harap perundingan akan dapat dijalankan supaya bayaran dapat dilaksanakan kepada semua pihak.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Kerajaan Malaysia mempunyai kakitangan terdiri daripada buruh-buruh yang dibayar gaji hari (day to day wages), jadi adakah Kerajaan Malaysia mempunyai rancangan membayar elaun lebih kepada mereka itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham elaun apa lagi yang Kerajaan ada selain daripada apa yang dipersetujui dan telah dibayar hari itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kakitangan Kerajaan yang mendapat gaji tidak lebih daripada \$300 mendapat special allowance. Apa yang saya hendak bertanya ialah kakitangan Kerajaan yang tidak mendapat gaji tetap, mereka mendapat day-by-day allowance, adakah mereka ini mendapat special allowance?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau pekerja daily-rated atau bergaji hari, masalah elaun tidak timbul.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan pekerja-pekerja yang bergaji \$500 ke bawah diberi Elaun Bantuan Khas. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kerajaan kita bercadang hendak memberi elaun ini kepada mereka yang bergaji \$500.00 ke atas sebab mereka ini duduk di dalam bandar-bandar dan pendapatan mereka tidak mencukupi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan pada masa pengumuman Elaun Tambahan Khas ini tujuannya hendak menolong pihak pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah bagi menghadapi kenaikan harga barang. Jadi difikirkan mereka yang mempunyai gaji lebih daripada \$500 sebulan boleh bercermat sedikit dan boleh menghadapi masalah kenaikan harga barang ini dengan adanya tindakan-tindakan yang lain yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan.

PEGAWAI KASTAM SINGAPURA— TUDUHAN PELAJAR

3. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Singapura telah menyiasat dan memberitahu Kerajaan Malaysia atas keputusan siasatan mengenai tuduhan seorang pelajar dari Malaysia yang seorang pegawai Kastam Singapura telah menumbuknya; dan jika ya, apakah tuduhan itu benar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapura telahpun memberitahu Pesuruhjaya Tinggi kita di Singapura bahawa kejadian tersebut sudah diasiasat dan pegawai Kastam yang terlibat telahpun di-buang kerja. Bagi pihak Kerajaan Malaysia perkara ini dianggapkan telah selesai—the matter is considered close.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Malaysia dapat memersetujui sebagai timbal balas bahawa anggota Kastam kita patut menumbuk pula pelajar-pelajar Singapura yang datang ke mari?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat begitu Pegawai Kastam kita pula kena buang kerja.

PEGAWAI-PEGAWAI DAGANG

4. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pegawai-pegawai dagang yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan jika ada, nyatakan:

- (a) bilangan mereka; dan
- (b) bilakah perkhidmatan mereka akan ditamatkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai dagang dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu:

- (a) Pegawai-pegawai yang mengisi jawatan tetap dan berpenčen; dan
- (b) Pegawai-pegawai yang dilantik secara sementara atau kontrak atau yang dihantar bertugas sebagai pakar atau penasihat dalam bidang-bidang yang tertentu untuk mengisi jawatan-jawatan professional kerana kekurangan warganegara.

Bilangan pegawai-pegawai dalam kumpulan (a) berjumlah 66 orang dan kesemuanya berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan mereka akan ditamatkan manakala jawatan-jawatan yang disandang oleh mereka itu dapat diisikan oleh warganegara Malaysia.

Pegawai-pegawai dalam kumpulan (b) berjumlah 963 orang dan perkhidmatan mereka akan ditamatkan mengikut perjanjian

kontrak masing-masing iaitu di antara 2 atau 3 tahun. Sekiranya selepas kontrak itu perkhidmatan-perkhidmatan mereka tidak lagi dikehendaki, maka kontrak-kontrak itu tidak diperbaharui. Bagi Pegawai-pegawai sementara, biasanya tempoh perkhidmatan mereka ialah selama satu tahun dan hanya diperbaharui jika perkhidmatan mereka masih dikehendaki.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan pegawai dagang yang sekarang ini bekerja dengan Kerajaan Malaysia, namanya Tan Sri D. B. W. Good, seorang yang tidak ada mempunyai kewarganegaraan Malaysia, pekerjaannya sebagai Pengerusi Lembaga Penyiasat. Saya hendak tahu samada kontraknya sudah ditamatkan atau belum?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pegawai ini ada memegang jawatan yang penting iaitu membuat pekerjaan menyemak balik undang-undang di negara kita ini dan kontraknya masih lagi berjalan kerana difikirkan pegawai ini mustahak berada di negara kita, sebab menjalankan tugas yang tidak dapat dijalankan oleh pegawai kita.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya pun faham pegawai ini tidak ada mempunyai kewarganegaraan dan dia menjalankan pekerjaannya dengan baik, tetapi barangkali di seluruh Malaysia ini ada retired Justice seperti Tuan Yang di-Pertua boleh menjadi pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak tahu apakah sebabnya di seluruh Malaysia ini kita tidak boleh melantik seorang yang boleh menjadi Pengerusi Lembaga Penyiasat?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab tidak ada orangnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau saya boleh dapat orangnya, apa tindakan Kerajaan hendak ambil?

Perdana Menteri: Kalau ada pegawai yang berkeelayakan dan boleh buat kerja, kita boleh timbangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tadi telah menyatakan banyak pegawai-pegawai dagang yang akan tamat tempohnya, memandangkan Malaysia ini dalam zaman pembangunan dan banyak tenaga-tenaga yang professional yang dikehendaki, adakah Kerajaan sedia memberikan pertimbangan supaya pegawai-pegawai ini dapat melanjutkan khidmatnya lagi dalam negeri ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau pegawai-pegawai kontrek ini tamat perkhidmatannya dan difikirkan mereka itu perlu meneruskan perkhidmatannya, kita akan sambung semula kontreknya.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA—SINGAPURA

5. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S. O. 24* (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil kunjungan beliau ke Singapura tidak berapa lama dahulu di mana beliau telah mengadakan rundingan-rundingan tentang perkara-perkara yang berfaedah kepada kedua-dua negara dengan Perdana Menteri Singapura dan rakan-rakan beliau.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan di dalam sidang akhbar sebelum pulang dari lawatan saya ke Singapura, iaitu lawatan saya itu adalah sangat berguna sebab memberi peluang kepada kedua-dua pihak memahami dengan lebih baik pandangan masing-masing dalam berbagai-bagai perkara.

Encik Lee Kuan Yew dan saya telah membincangkan perkembangan-perkembangan di dalam negeri masing-masing di rantau ini, serta juga perkembangan-perkembangan yang mungkin mempengaruhi ketenteraman dan keselamatan di rantau ini.

Kami juga meninjau cara-cara bagaimana kita boleh memupuk kerjasama yang lebih luas dan persefahaman yang lebih mendalam antara kedua-dua negara dan juga antara negara-negara di rantau ini.

Bolehlah saya katakan bahawa lawatan tersebut telah memperiratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman di antara kedua-dua negara kita.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya hendak membuat soalan tambahan iaitu adakah benar bahawa kesan lawatan dan perundingan dengan Perdana Menteri Singapura itu iaitu hubungan kemesraan dan kejiranan antara kedua negara itu bertambah rapat belum diperolehi sebelum daripada Yang Amat Berhormat pergi melawat ke Singapura itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini harus benar.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu sebab utama lawatan beliau ke Singapura ialah kerana pergi untuk memujuk dan meminta persetujuan Perdana Menteri Singapura tentang perhubungan diplomatik kita dengan negeri Cina?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini hanya khabar-khabar angin sahaja.

HARGA MINIMA TERJAMIN (GUARANTEED MINIMUM PRICE)

6. Datuk James Wong Kim Min minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menaikkan harga minima yang dijamin bagi padi yang dijual oleh peladang-peladang terutamanya yang dijual kepada LPN untuk menggalakkan pengeluaran beras dan dengan demikian menurunkan harga beras serta mencapai matlamat mencukupi keperluan sendiri di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Harga Minima Terjamin atau "Guaranteed Minimum Price" sekarang ini ialah \$16.00 sepikul, bagi padi yang kering dan bersih dan dibeli di pintu kilang. Oleh kerana harga beras telah naik, maka di musim menuai yang baru lepas, di antara bulan Julai dengan September, Kerajaan telah mengarahkan LPN membeli padi dengan harga di antara \$19.00 dengan \$23.00 sepikul, bagi padi yang kering dan bersih mengikut jenis-jenisnya yang dibawa di pintu kilang. Tetapi petani masih berkehendakkan harga yang tinggi.

Kerajaan menyedari akan rasa tidak puashati petani tentang harga padi yang dibeli oleh LPN ini. Sebaliknya, Kerajaan mempunyai kewajipan mengimbangkan kepentingan petani dan orang ramai yang membeli beras, supaya kepentingan kedua-dua kumpulan ini sentiasa diselaraskan. Kerajaan adalah meneliti berkenaan dengan kadar harga padi yang dibeli oleh LPN pada masa ini, dan akan memberi pertimbangan sewajarnya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar ramai peladang-peladang atau petani-petani kita tidak menyukai atau memburukkan LPN dalam masalah harga beras ini dihasut oleh setengah-setengah kaum pemodal dalam negeri ini. Apakah langkah Kementerian ini bagi menyampaikan hasrat dan tujuan yang sebenarnya LPN kepada petani-petani kita?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar perbuatan ini dan LPN telah mengambil langkah-langkah menerangkan sebenarnya tiap-tiap satu langkah dan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan melalui LPN.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah sampai ke pengetahuan Kerajaan bahawa petani-petani dan peladang-peladang kita telah dihasut oleh anasir-anasir subversif dengan memberi risalah-risalah anti-Kerajaan. Adakah hal ini telah sampai kepada Kerajaan? Dan adakah Kerajaan telah ambil tindakan atas masalah ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Keadaan ini Kerajaan sedar dan mengetahui dan sebagaimana yang saya terangkan tindakan-tindakan telah dijalankan.

Datuk James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr. Speaker, Sir, may I ask the Honourable Deputy Prime Minister whether, in view of the fact that we in Malaysia according to the Honourable Finance Minister are now subsidising rice at 50 cents a gantang, and in view of our policy now of attaining 100% self-sufficiency in rice and also because of the wellknown fact that rice as an economic crop Sir, is not a paying proposition, would the Government consider

increasing the price of padi in order to stimulate more interest in the growing of rice in this country to make us completely self-sufficient?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya jawab tadi Kerajaan adalah meneliti perkara itu.

Tuan Edwin anak Tangkun: Dalam negara kita ada banyak jenis padi seperti Malinja, Mahsuri dan lain-lain. Soalan tambahan saya berkenaan dengan padi pulut atau beras pulut kerana dalam negara kita ini kurang padi pulut. Adakah Kerajaan bercadang supaya petani-petani di negara kita ini banyak lagi menanam padi pulut dan bolehkah Kerajaan memberi jaminan harga yang tinggi lagi dari padi?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar berkenaan dengan kekurangan pulut. Berkenaan dengan tanaman pulut ini Kerajaan tidaklah menggalakkan petani-petani kita menanam banyak pulut oleh sebab pada masa-masa yang lampau kita boleh dapat bekalan pulut ini daripada negeri-negeri yang lain, umpamanya daripada Thailand. Masalah kekurangan pulut masa dekat hariraya, ini boleh jadi saya fikir merupakan sementara sahaja. Jadi bila keadaan yang baik masalah kekurangan pulut di negara kita ini saya harap tidak akan berbangkit.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu oleh kerana peladang-peladang atau penanam-penanam padi bumiputra telah lama sangat tertindas oleh kerana harga padi pada masa dahulu hingga sekarang, adakah Kerajaan berniat untuk meninggikan lagi subsidi daripada yang diberi sekarang untuk memberi kepada petani-petani supaya dapat ditinggikan kehidupan mereka. Adakah Kerajaan bercadang berbuat demikian?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mengetahui iaitu mengenai subsidi kita ada memberi pertolongan kepada petani-petani berkenaan dengan fertilizer. Benda-benda yang lain Kerajaan belumlah dapat memberi pertimbangan.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah Timbalan Perdana Menteri sedar iaitu

arahan membeli padi melalui LPN \$19 hingga \$23.00 rasa saya adalah tidak mencukupi. Pada hal ada swasta-swasta ataupun syarikat perseorangan yang membeli sampai \$25 dan \$26. Ini menunjukkan ada sebahagian daripada syarikat-syarikat perseorangan ingin menjatuhkan atau menombangkan pelaksanaan LPN dalam negara kita ini. Apakah tindakan yang akan diambil jika sekiranya ada pihak-pihak yang ingin menjatuhkan LPN ini oleh Kerajaan kita?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya tidak berapa dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya lagi sekali.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah Timbalan Perdana Menteri sedar iaitu arahan Kerajaan kepada LPN membeli padi \$19 hingga \$23 adalah terlalu rendah dan ada

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta apa soalnya?

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalnya, adakah Kerajaan sedar ada setengah-setengah swasta yang ingin membeli padi lebih daripada harga yang ditentukan oleh Kerajaan kepada petani-petani dengan tujuan hendak menumbangkan atau merosakkan pelaksanaan dasar LPN yang hendak mengkontrol harga padi yang telah dijalankan itu? Kalau ada setengah-setengah pihak swasta dan syarikat perseorangan yang berbuat demikian, apakah tindakan Kerajaan kita?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan langkah-langkahnya saya telah dan akan terangkan di Dewan ini dari satu masa ke satu masa.

Datuk James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, in view of the fact that padi today as grown throughout Malaysia is a rural crop and grown by farmers on subsistence farming, will the Minister consider, in view of the our new policy of attaining self-sufficiency in rice and the importance of grain to our national economy, as a matter of policy, to increase the price of padi to make it attractive as a commercial proposition to grow padi?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya terangkan dalam jawapan saya tadi, Kerajaan adalah meneliti berkenaan dengan harga padi ini dan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Timbalan Perdana Menteri berkata tadi Kerajaan Malaysia tidak mahu beri subsidi berkenaan dengan padi, tetapi hendak beri subsidi fertilizier, betulkah begitu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Subsidi dengan apa?

Tuan Ng Hoe Hun: Baja (fertilizer).

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kalau berulang-ulang, itu hanya menghabiskan masa. Kalau tidak mendengar jawapan daripada mula jangan tanya ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya ada dengar fertilizier, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya sahajalah.

Tuan Ng Hoe Hun: Itulah saya hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tahu apa lagi?

Tuan Ng Hoe Hun: Hendak beri subsidi dengan fertilizier, atau tidak? Itu sahaja.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan Kerajaan ada memberi pertolongan bantuan berkenaan dengan fertilizier.

AKTA PERIHAL DAGANGAN

7. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) samada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah di bawah Akta Perihal Dagangan untuk memeriksa benar tidaknya tuntutan-tuntutan iklan pembuat-pembuat dan pengeluar-pengeluar tentang barang-barang mereka; dan jika ya, nyatakan barang-barang yang telah diperiksa, dan
- (ii) samada Kerajaan akan mengharamkan semua iklan yang tidak patut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

(i) Kementerian saya telah mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972, apabila menerima aduan-aduan daripada pengguna-pengguna. Setengah daripada barang-barang yang telah diterima aduan dan diperiksa ialah seperti berikut:

- (a) Minyak Rambut
- (b) Powder kanak-kanak
- (c) Powder
- (d) Bedak muka
- (e) Minyak Wangi
- (f) Buku-buku Rampaian
- (g) Pakaian
- (h) Penyedap rasa makanan
- (i) Alat-alat solek
- (j) Minyak Mesin
- (k) Kasut.

Semuanya ialah barang-barang tiruan yang telah dibicarakan melainkan (i), (j) dan (k). Mereka ini telah didenda satu-satunya daripada \$150 hingga \$2,000.

(ii) Soalan yang berupa sama telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara dan telahpun saya jawab pada 7-12-1973.

SYARIKAT TEMPATAN BERDAFTAR

8. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau telah ambil untuk menghalang orang-orang asing dari mengambilalih syarikat-syarikat tempatan berdaftar dan sesudah itu "mengondolkan harta-harta" (asset stripping), syarikat-syarikat ini untuk kepentingan mereka sendiri; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau telah ambil atau ingin ambil untuk menghalang berokar-berokar saham dari melibatkan diri dalam "pembelian dalam" (inside buying).

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu tahu

saham-saham syarikat yang didaftarkan di Malaysia, samada didaftarkan di "Stock Exchange" atau tidak, boleh dibeli dan dijual dengan bebas oleh orang-orang asing dan juga rakyat Malaysia. Ada juga terdapat jualan-jualan persendirian yang tidak diketahui oleh Kerajaan. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai contoh-contoh tertentu tentang pengambilalih yang tidak sehat oleh kumpulan-kumpulan asing yang akan merusakkan kepentingan Malaysia, beliau adalah dipelawa untuk memberi butir-butir lanjut kepada Perbendaharaan ataupun terus kepada Pendaftar Syarikat-syarikat. Saya boleh memberi jaminan bahawa perkara ini akan disiasat dengan secara sulit. Di sini saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pelaburan Modal Asing yang akan meneliti dan mengawal semua aspek-aspek mengambilalih sesebuah syarikat. Jawatankuasa Penanaman Modal (Capital Issues Committee) pada masa ini menjaga segala perkara-perkara serupa ini untuk menghalang sebarang pengambilalih asing yang tidak diingini.

Akta Perusahaan Saham membuat peruntukan bahawa berokar-berokar yang berniaga saham-saham akan hanya diberi lesen jika mereka adalah orang-orang yang boleh dipercayai dan boleh menjalankan pekerjaan dengan jujur tanpa merusakkan kepentingan pelanggan-pelanggan dan pelabur-pelabur. Di dalam Akta tersebut Pendaftar Syarikat-syarikat boleh, jika keadaan memerlukan, menyelidik hal-hal dan kegiatan-kegiatan sebarang pemegang lesen menjual dan membeli saham, untuk menentukan yang berokar-berokar saham ini tidak membuat jualbeli seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian kawalan-kawalan yang cukup sudah pun ada untuk mengurangkan perbuatan yang merusakkan kepentingan-kepentingan pelabur-pelabur Malaysia.

BELANJA SARA HIDUP

9. Dr S. Seevaratnam (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan belanja sara hidup yang ditunjukkan dalam daftar sejak tahun 1971, dan samada beliau sedar bahawa dengan sebab inflasi yang melampau pekerja-pekerja dalam negeri tidak mendapat apa-apa faedah walaupun harga-harga getah, kayu-kayan dan kelapa sawit.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan yang di-Pertua, belanja sara hidup adalah dicerminkan dalam Angka Tunjuk Harga-harga Pengguna dan angka-angka yang berkaitan telah diberikan dalam Lapuran Ekonomi dan telahpun dirujuk dalam Ucapan Belanjawan. Sungguhpun kita mengakui kenaikan harga telah agak mengurangkan faedah-faedah akibat daripada keadaan melambung (boom) dalam harga-harga getah, kayu balak, bijih timah, kelapa sawit akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa pekerja-pekerja telah mendapat faedah daripada kedudukan keadaan tinggi harga barang-barang mentah yang diekspot oleh negeri kita.

UJIAN PENILAIAN DARJAH LIMA

10. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan patut mengadakan Ujian Penilaian Darjah Lima sebaik sahaja Peperiksaan Kemasukan Biasa Darjah Enam dihapuskan di Sarawak; dan
- (b) apakah kesan yang akan diadakan oleh Ujian Penilaian ini kepada masa hadapan murid-murid Darjah Lima, terutama sekali apabila mereka dinilai sebagai murid-murid yang gagal.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perenggan 17 kepada Lapuran Inter-Governmental Committee, 1972, dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di Negeri Sarawak adalah di bawah kelolaan Kerajaan tersebut. Oleh yang demikian, sepatutnya soalan-soalan yang serupa ini ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Walaupun demikian, mengikut maklumat yang diberikan oleh Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak, jawapan mengenai perkara:

- (a) ialah bahawa peperiksaan ini diadakan dengan tujuan untuk menjaga mutu pelajaran;
- (b) tidak ada kesan-kesan buruk kerana kesemua murid-murid dibenarkan naik ke Darjah Enam. Sebaliknya Ujian Penilaian ini membolehkan guru-guru memberi bimbingan yang lebih kepada murid-murid yang mendapat keputusan yang tidak memuaskan apabila mereka berada di dalam Darjah Enam kelak.

VISA MELAWAT JEPUN

11. Datuk James Wong Kim Min minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan mengapa perlu bagi rakyat-rakyat Malaysia mendapatkan visa untuk melawat Negeri Jepun tetapi rakyat Jepun boleh melawat Malaysia tanpa sebarang visa dan nyatakan negara-negara yang mempunyai peraturan berbalas-balasan dengan Malaysia mengenai visa masuk yang tidak memerlukan visa untuk melawat negara mereka masing-masing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu tidak benar. Keadaan yang sebenarnya ialah warganegara Malaysia yang melawat Negeri Jepun tidak memerlukan visa jika mereka tinggal di negeri itu tidak lebih daripada 3 hari, dan warganegara Jepun adalah dibenarkan masuk ke Malaysia selama 7 hari tanpa visa—lebih daripada 7 hari visa hendaklah diperlukan.

Negara-negara yang ada perjanjian timbal-balas, bukannya peraturan berbalas-balas perjanjian timbal-balas, penghapusan visa dengan Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut: Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman Barat, Ireland, Itali, Liechtenstein, Luxembourg, Netherlands, Norway, San Marino, Sweden, Switzerland, Tunisia.

Datuk James Wong Kim Min: Soalan tambahan. Mengikut keterangan dari Menteri yang berkenaan ini adalah terang bahawa orang kita Malaysia boleh melawat ke negeri Jepun dan tinggal di sana selama 3 hari sahaja, tetapi orang Jepun boleh datang ke Malaysia, boleh tinggal di Malaysia, kalau saya tidak salah 2 minggu tanpa visa bukan satu minggu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soal visa. Visa itu adalah satu document yang tertentu. Pelawat-pelawat Malaysia yang pergi ke Jepun diizinkan oleh Kerajaan Jepun dengan tidak payah meminta visa kalau dia duduk hanya 3 hari dan pihak kita bukan sahaja negeri Jepun, begitu juga negeri-negeri lain, sesiapa pun yang datang melawat ke sini, melainkan warganegara

negeri-negeri yang tertentu, mereka ini kita izinkan 7 hari dengan tidak payah meminta surat visa.

Datuk James Wong Kim Min: Soalan tambahan. Apakah sebabnya sebagai national dignity kita di sana, jikalau kita benarkan selama 7 hari, kerana dia tidak benarkan kita 7 hari sebagai reciprocal?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ini bukan reciprocal, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tidak ada reciprocal agreement berkenaan dengan visa. Kita janganlah keliru soal visa ini dengan soal kebenaran masuk. Soal visa ini dia berhak meminta duit, mancam kita berhak juga apabila kita mengeluarkan visa. Soal visa itu lain daripada soal kebenaran masuk. Kita benarkan pelancung masuk ke sini selama 7 hari. Kerajaan Jepun berhak sebagai sebuah negara yang berdaulat baginya hanya membenarkan 3 hari, itu tidak ada kena-mengena dengan dignity apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis.

Datuk James Wong Kim Min: Tidaklah macam cakap saya ini cakap pasar yang dikatakan kalah point.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa pasar tidak boleh cakap di sini.

Datuk James Wong Kim Min: Itu yang dikatakan kalah point, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kita at the disadvantage.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Datuk James Wong Kim Min: Itulah komen sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak ada soalan tambahan tak payah.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan 3 hari sahaja kita boleh melawat ke negeri Jepun dengan tidak pakai visa, bolehkah Kerajaan Malaysia meminta Kerajaan Jepun beri tambahan 7 hari lagi?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu meminta Kerajaan supaya berhubung dengan Kerajaan Jepun untuk mengadakan visa

abolition atau peraturannya. Peraturan yang dia buat itu bukan hanya terhadap orang Malaysia sahaja, itu umum. Seperti kita juga kita membuat peraturan untuk 7 hari—umum, kepada semua bukan hanya kepada orang Malaysia yang dikenakan 3 hari itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau saya tidak bertanya, saya tidak tahu, sekarang sudah tahu. Terima kasih. (*Ketawa*)

SURUHANJAYA TENAGA ATOM

12. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian beliau bercadang hendak menubuhkan satu Suruhanjaya Tenaga Atom untuk mengendalikan penyelidikan dan penyiasatan ke atas tenaga atom yang sekarang ini dikendalikan oleh badan-badan Kerajaan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, cadangan menubuhkan Suruhanjaya Tenaga Atom untuk mengendalikan penyelidikan dan penyiasatan di bidang tenaga atom adalah terlalu awal pada peringkat ini. Walaubagaimanapun Kerajaan sedar akan perlunya merancang perkembangan tenaga atom yang sesuai dari segi kegunaannya bagi tujuan-tujuan keamanan seperti penggunaan tenaga atom di bidang pertanian, perubatan, perindustrian dan penjanaan kuasa (power generator). Sebagai langkah permulaan Kerajaan akan membina sebuah reactor nuclear yang bercorak penyelidikan latihan yang akan digunakan khas bagi maksud-maksud latihan.

KILANG-KILANG IBU KOTA MENGELUARKAN ASAP BAHAYA

13. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa kilang-kilang di sekeliling Ibu Kota mengeluarkan asap yang merbahaya kepada kesihatan umum, jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal asap-asap itu.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar tentang pengotoran alam sekeliling yang disebabkan oleh kilang-kilang di sini. Sebenarnya pengotoran itu bukan sahaja disebabkan oleh pelepasan asap-asap daripada serombong-serombong kilang-kilang, tetapi juga dari abuk atau debu yang berterbangan akibat daripada kerja-kerja quarry dan lain-lain kegiatan yang berkaitan. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa pelepasan buangan-buangan perusahaan ke udara seperti unsur hydrocarbon, sulphur dioxide dan debu-debu atau abuk yang berterbangan itu adalah merbahaya kepada kesihatan manusia.

Selain daripada itu pengeluaran buangan-buangan perusahaan di dalam bentuk effluent ke dalam saluran-saluran di negara ini sekiranya tidak dikawal boleh mendatangkan kesan yang serious kepada alam sekeliling dan kesihatan kita. Saya sangat sedar tentang ancaman yang bertambah itu. Pada masa ini pegawai-pegawai dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain sedang melakukan kajian untuk menyediakan standard-standard bagi pelbagai bentuk buangan-buangan perusahaan ke udara dan juga ke dalam air. Standard-standard ini adalah diperlukan untuk pelaksanaan undang-undang yang berkenaan dengan cara yang teratur.

BILIK SEMBAHYANG HOSPITAL BESAR ALOR STAR

14. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan kenyataan yang dibuat oleh beliau tidak berapa lama dahulu bahawa Hospital Besar di Alor Star akan mendapat sebuah bilik sembahyang bagi kemudahan-kemudahan kaum keluarga pesakit-pesakit yang beragama Islam samada bilik sembahyang itu telah diadakan dan jika ya, di mana, kerana masih terdapat orang-orang Islam sembahyang di kaki lima hospital itu.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya minta maaf, ada kesilapan sedikit. Menteri yang berkenaan tidak ada di sini, saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu membenarkan jawapan diberikan kepada beliau kelak.

(Soalan No 14 Y.B. Menteri Kesihatan tidak hadir).

PEKERJAAN KEPADA MURID-MURID BERHENTI SEKOLAH

15. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menyediakan pekerjaan bagi sebilangan besar murid-murid yang berhenti sekolah setelah tamat Tingkatan Tiga atau Tingkatan Lima di Sarawak.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sedang dijalankan oleh Kementerian menuju ke arah jenerasi pekerjaan adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan ladang-ladang perindustrian dengan kemudahan infrastruktur bagi memudahkan penubuhan industri-industri baharu.
- (ii) Dasar Kerajaan ditujukan juga kepada gerakan perusahaan-perusahaan labour-intensive melalui perbekalan pengecualian cukai.
- (iii) Baharu-baharu ini Kerajaan telah memperkenalkan satu galakan yang baru bagi menggalakkan industri-industri supaya tidak berkumpul hanya di kawasan-kawasan bandar sahaja dan langkah ini akan mempercepatkan pembangunan di kawasan luar bandar.
- (iv) Sejauh mana Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada berkenaan, cadangan untuk meneguhkan dan meluaskan perkhidmatan pekerjaan di Sarawak adalah sedang dipertimbangkan dengan giatnya. Berkaitan dengan kemudahan latihan Kementerian saya sedang giat menimbangkan penubuhan sebuah Instituti latihan Perindustrian yang akan dibina di Sabah bagi menampung latihan belia-belie di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Pada masa sekarang tempat-tempat adalah dikhaskan di Instituti Latihan Perindustrian di Semenanjung Malaysia untuk melatih belia-belie dari Sarawak.

PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS—PELAJARAN

16. Tuan Loh Jee Mee (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan

samada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menjalankan pelajaran-pelajaran mengenai Peraturan-peraturan Lalulintas di semua sekolah dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, pelajaran mengenai peraturan-peraturan lalulintas telahpun diadakan di sekolah-sekolah melalui pelajaran sivik. Bagi sekolah-sekolah di dalam bandar, pelajaran ini ditambah dengan ceramah-ceramah yang diadakan oleh anggota polis dan pegawai-pegawai keselamatan jalanraya daripada semasa ke semasa. Selain daripada itu, bila diadakan kempen-kempen keselamatan jalanraya, murid-murid sekolah dikehendaki mengambil bahagian dalam pertunjukan-pertunjukan dan pertandingan-pertandingan yang diadakan.

ADUAN MENGENAI HOSPITAL

17. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) memandang kepada aduan-aduan daripada orang-orang awam mengenai hospital-hospital dan pentadbirannya, apakah langkah-langkah Kerajaan telah ambil untuk menyiasat aduan-aduan tersebut dan tindakan-tindakan sewajarnya yang telah diambil; dan
- (ii) bilangan siasatan-siasatan yang telah dijalankan dan hasil siasatan-siasatan tersebut serta langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana kesilapan Menteri yang berkenaan tidak ada di sini. Saya berjanji akan memberikan jawapan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

(Soalan No. 17 Y.B. Menteri Kesihatan tidak hadir)

JURUBAHASA MAHKAMAH

18. Tuan Chan Yoon Onn (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Jurubahasa Mahkamah di seluruh negara tidak puas hati disebabkan,
 - (i) hapusnya taraf pencen bagi elaun bahasa untuk Jurubahasa-jurubahasa;
 - (ii) tidak hapusnya sistem peringkat bagi perkhidmatan Jurubahasa walaupun sistem peringkat bagi perkhidmatan kerani sudah dibatalkan;
 - (iii) kekurangan Jurubahasa Mahkamah yang mengakibatkan kadangkala berlaku penangguhan kes-kes kerana ketiadaan Jurubahasa walaupun beberapa orang Jurubahasa Mahkamah yang bersara telah diambil balik untuk bekerja; dan
- (b) jika sedar, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk membaiki keadaan ini.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada perasaan tidak puas hati di kalangan Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah mengenai beberapa perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai (a) (i) Soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa penghapusan taraf pencen bagi elaun Bahasa untuk Jurubahasa-jurubahasa adalah mengikut perakuan yang terkandung di dalam Lapuran Suffian. Jurubahasa-jurubahasa itu telah diberi peluang membuat pilihan sendiri (option) samada hendak menerima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baharu itu ataupun kekal dengan tanggagaji dan syarat-syarat lama dari mana mereka boleh terus menerima elaun Bahasa yang berpencen. Bagi mereka yang telah memilih syarat-syarat baharu itu, elaun itu masih boleh dibayar, tetapi tidak lagi dikira sebagai elaun berpencen. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa perkara ini adalah berpatutan dan tidak perlu apa-apa tindakan lagi.

Mengenai (a) (ii) Soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memaklumkan bahawa tindakan sedang diambil bagi menghapuskan sistem peringkat bagi perkhidmatan Juru-bahasa dan lain-lain perkhidmatan yang sama kedudukannya dengan perkhidmatan Kerani.

Mengenai (a) (iii) Soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengisikan kekosongan-kekosongan yang dicadangkan bagi Jurubahasa-jurubahasa. Kedudukan kekosongan tidaklah begitu "serious" memandangkan bahawa cuma ada 11 kekosongan pada masa sekarang dari jumlah 237 jawatan yang ada.

PEMILIK TANAH DI KUALA LUMPUR—KEGIATAN UDA

19. Tuan Hor Cheok Foon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar kebimbangan, kesangsian dan kekhuatiran yang dirasakan oleh pemilik tanah di Kuala Lumpur kerana kegiatan-kegiatan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), jika ia, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan perasaan-perasaan itu supaya objektif-objektif Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dapat dicapai dengan berkesan bagi faedah semua rakyat Malaysia.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang serupa telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada 11-7-73 di Dewan ini dan telahpun diberi jawapan oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu.

Walau bagaimanapun saya suka hendak mengulangi iaitu tidak ada kebimbangan, kesangsian atau kekhuatiran yang dirasakan oleh pemilik-pemilik tanah di Kuala Lumpur kerana kegiatan-kegiatan Perbadanan Pembangunan Bandar. Rancangan-rancangan serta aktiviti-aktiviti UDA ialah dijalankan untuk memperbanyakkan tempat-tempat perniagaan di bandar supaya dapat digunakan oleh semua golongan rakyat Malaysia bagi menjalankan perniagaan untuk mencapai matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Kebimbangan, kesangsian atau kekhuatiran di kalangan pemilik-pemilik tanah, jika ada, bukanlah disebabkan oleh UDA. Ia adalah disebabkan oleh mereka yang cuba hendak mencari keuntungan bagi diri mereka sendiri seperti "land speculators" yang cuba memperdayakan tuan-tuan tanah atau harta tersebut dengan harga yang rendah untuk dijual dengan harga yang lebih tinggi.

Perusahaan secara berkongsi di antara UDA atau lain-lain ejensi Kerajaan dengan satu-satu badan swasta atau perseorangan adalah dijalankan dengan perundingan yang saksama untuk kepentingan kedua-dua belah pihak, untuk mencapai objektif negara, sambil tidak merugikan pihak-pihak yang berkongsi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan boleh mensifatkan mereka yang dikatakan bimbang, sangsi dan khuatir itu sebagai anti-Dasar Ekonomi Baru dan apakah tindakan yang sewajarnya diambil kepada manusia ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, manusia ini selalunya ada kebimbangan, kesangsian dan kekhuatiran dan bila biasanya diberikan penjelasan yang sebenar, kebimbangan, kekhuatiran dan kesangsian itu akan terbang dengan sendirinya.

KERAJAAN REVOLUSI SEMENTARA VIETNAM SELATAN

20. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah Kerajaan akan mengiktirafkan dengan rasminya Kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun memberi keterangan yang penuh mengenai pendirian kita dalam perkara ini, semasa menjawab soalan yang serupa pada hari Isnin kelmarin.

(*Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 14 dan 17 adalah diberi di bawah ini*).

BILIK SEMBAHYANG HOSPITAL BESAR ALOR STAR

14. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan kenyataan yang dibuat oleh beliau tidak berapa lama dahulu bahawa Hospital Besar di Alor Star akan mendapat sebuah bilik sembahyang bagi kemudahan-kemudahan kaum keluarga pesakit-pesakit yang beragama Islam samada bilik sembahyang itu telah diadakan dan jika ya, di mana, kerana masih terdapat orang-orang Islam sembahyang di kaki lima hospital itu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Sebuah bilik sembahyang boleh didapati di Wad 10 Hospital Besar, Alor Star untuk pesakit-pesakit. Kaum keluarga pesakit-pesakit Islam boleh menggunakan bilik sembahyang ini jika mereka suka.

ADUAN MENGENAI HOSPITAL

17. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) memandang kepada aduan-aduan daripada orang-orang awam mengenai hospital-hospital dan pentadbirannya, apakah langkah-langkah Kerajaan telah ambil untuk menyiasat aduan-aduan tersebut dan tindakan-tindakan sewajarnya yang telah diambil; dan
- (ii) bilangan siasatan-siasatan yang telah dijalankan dan hasil siasatan-siasatan tersebut dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (i) Kementerian saya membuat penyiasatan ke atas tiap-tiap aduan samada dengan jalan penyiasatan secara terus mengenai kes tersebut ataupun menerusi satu Jawatankuasa Penyiasatan yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Tindakan-tindakan sewajar yang diambil adalah bergantung di atas hasil penyiasatan. Ada kalanya tindakan tatatertib dijalankan. Pada ketika yang lain, kita akan cuba membetulkan kesalahan-kesalahan itu menerusi arahan-arahan pentadbiran dan memberi nasihat yang sewajar. Perjumpaan-perjumpaan dengan kakitangan, ahli-ahli Jumaah Pelawat Hospital, orang-orang awam, Persidangan, Seminar dan beberapa

rancangan latihan juga diaturkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada aduan-aduan itu adalah didapati tidak benar dan hasad dengki dan tidak ada apa-apa tindakan dari pihak Kementerian saya.

- (ii) Sejumlah 129 aduan bertulis telah diterima dalam tahun 1973 dari orang-orang ramai berkaitan dengan hospital-hospital dan pentadbirannya. Dihitung panjang, ini adalah lebih kurang 1 aduan yang diterima dari tiap-tiap 2,600 pesakit yang dimasukkan ke dalam Hospital Kerajaan bagi rawatan, ataupun lebih kurang 1 aduan dari tiap-tiap 45,000 pesakit luar ataupun jumlah yang dicampurkan itu lebih kurang 1 aduan dari tiap-tiap 50,000 pesakit yang menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan hospital yang disediakan oleh Kerajaan. Dari jumlah bilangan aduan itu, 65 (50.4%) telah didapati tidak benar atau hanya sebagai surat-surat yang beracun. 36 aduan masih lagi dalam penyiasatan. Tindakan-tindakan yang sewajar telah diambil terhadap 18 aduan yang telah sempurna disiasat. Aduan-aduan itu mengenai kasar bahasa kakitangan dan sikap tidak peduli. Mereka-mereka yang berkenaan telah diberi nasihat dan diberi amaran.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (11hb Disember, 1973).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentangan dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut. (11hb Disember, 1973).

Perbincangan disambung semula.

3.21 ptg.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sedang menghuraikan kesah perniagaan insuran dalam tanahair kita. Bahaya dadah memang berat negara kita hadapi pada masa ini, tetapi bahaya yang dijalankan oleh peniaga-peniaga dan firma-firma insuran lebih berat daripada bahaya dadah kepada masyarakat tanahair kita pada masa ini. Banyak saya dapat laporan dan aduan daripada boleh dikatakan seluruh tanahair kita, terutama sekali daripada kawasan saya menyatakan betapa beratnya firma-firma insuran dalam tanahair kita menekan orang-orang yang mengambil insuran. Mereka tekan, lebih tegas mereka ini ialah sebagai big bully, terutama sekali terhadap orang-orang kampung yang membuat claim apabila dapat satu-satu kemalangan. Pengaduan yang saya terima, jika orang ini cakup banyak, pihak insuran-insuran ini mendatangkan bermacam-macam helah mereka jalankan, terutama sekali mereka jalankan delaying tactics untuk membayarkan claim dan sebagainya.

Saya membawa contoh dalam Dewan yang mulia ini, baharu-baharu ini sebuah bas telah dapat kemalangan dan membuat tuntutan kepada sebuah syarikat insuran dalam negara kita ini iaitu MNI dan insuran ini telahpun mendatangkan berbagai-bagai helah. Katanya, dua minggu lagi ada pegawai daripada Kuala Lumpur hendak datang, 2 minggu kemudian katanya, pegawainya sakit, akhir-akhirnya pegawai itu datang, dia tengok sekejap dan balik membuat assessment dan sebagainya, sudah

3 bulan belum lagi apa-apa keputusan diambil. Kepada orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana orang-orang ini hendak buat claim, mereka tidak mahu pergi ke bandar-bandar besar, cuma tunggu pegawai ini datang dan sebagainya, kadang-kadang mereka tinggalkan sahaja claim ini. Jadi mengambil insuran ini seolah-olah sains satu blank cheque kepada firma-firma insuran ini dan untuk mendapat claim jangankan penuh, sebahagian daripadanya pun apabila dapat kemalangan tidak dapat setelah perkara itu diputuskan.

Ada satu clause yang ada dalam kontrak iaitu excess clause. Clause ini sangat-sangat merbahaya kepada orang-orang yang mengambil insuran. Katakan excess clause ini \$1,000, kurang daripada \$1,000 pihak tuannya motokar, motosikal dan sebagainya mesti bayar. Selain daripada itu pula bermacam-macam cara helah mereka jalankan supaya claim itu tidak dapat dibayar. Jadi sebelum perkara ini jadi lebih merbahaya, Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan kepada Kerajaan mana-mana claim yang telahpun di bawa ke mahkamah mestilah dibayar dengan sepenuhnya oleh firma-firma ini ataupun segala claim mestilah dirojokkan kepada satu badan orang tengah supaya orang tengah ini dapat menyelesaikan secepat mungkin. Kalau tidak insuran-insuran ini dengan perlindungan mereka itu dapat daripada Kerajaan, iaitu insuran mestilah diambil oleh orang-orang yang mempunyai motokar, motosikal dan sebagainya, kalau tidak mereka ini tidak dapat lesen.

Saya yakin dan percaya kalau sekiranya orang-orang yang mempunyai motokar, motosikal dan sebagainya tidak payah mengambil insuran, saya rasa boleh dikatakan 98% orang-orang ini tidak bersetuju langsung hendak mengambil insuran memikirkkan telatah firma insuran dalam Negara kita ini menjalankan perniagaan cara kuku besi menindas orang-orang terutama sekali orang-orang kecil di kampung-kampung dan sebagainya. Saya harap Kerajaan, terutama sekali Kementerian Kewangan memikir berat di atas perkara ini.

Dalam Dewan ini kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan kalau ada apa-apa perkara yang tidak puas hati berkenaan dengan perjalanan insuran berilah laporan kepada beliau. Bagaimana caranya Tuan Yang di-Pertua,

orang-orang kampung hendak beri lapuran kepada Menteri. Perkara ini saya rasa harap lupakan bahkan cari satu jalan supaya orang-orang yang mengambil polisi ini dapat dilindungi jangan pula berat sebelah kepada pihak firma-firma insuran sahaja.

Pengangguran

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengangguran. Saya tidak risau langsung kerana negara kita ini sangat kaya-roya tetapi saya berfikir adalah cara-cara pentadbiran barangkali daripada Kementerian-kementerian ada kurang sempurna sedikit. Umpamanya, kita hendak buat satu industri mengambil masa yang panjang, tetapi kalau satu industri itu dijalankan, maka banyak orang-orang dapat kerja. Permohonan tanah pula, Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana negeri pun dalam tanahair kita ini mengambil masa yang sangat lama—menunggu—6 tahun, 7 tahun dan kadang-kadang 10 tahun, itu pun belum tentu dapat. Jadi kalau perkara-perkara yang sedemikian ini dapat dijalankan pengangguran senang sahaja dapat diatasi. Orang dapat kerja, kilang-kilang dapat dibina, maka Kerajaan akan dapat hasil yang besar, orang-orang yang menanam modal asing pun boleh masuk dalam negara kita dan sebagainya. Jadi saya berfikir perkara ini kerap kali berbangkit dalam Dewan kita ini tak berputus-putusan dan angka-angka pengangguran masih tinggal begitu juga, bermaknalah ada perkara-perkara dalam negara kita ini tidak berjalan dengan teratur. Sungguhpun Dasar Ekonomi Baru disambut oleh negara dan rakyat jelata sangat baik, tetapi menjalankannya kurang teratur sedikit.

Kayu-kayan

Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal kayu-kayan. Saya sangat-sangat sukacita mendengar hasil daripada kayu-kayan sangat baik dan kepada pejabat yang berkenaan dan tegasnya kepada Kementerian yang berkenaan saya ucapkan tahniah. Sambil kita mengeksport kayu, Tuan Yang di-Pertua, jangan pula kita lupa kilang-kilang didalam tanahair kita ini sentiasa kekurangan kayu-kayan. Mengapa kita tidak impot kayu daripada Indonesia, umpamanya kayu teak daripada Negeri Siam dan sebagainya dan ini memberi pekerjaan dan keuntungan kepada negara kita ini. Kita eksport semua kayu-kayan kita, betullah kita dapat foreign exchange yang banyak, tetapi impot kayu yang

kecil ini, akan membesar dan membawa untung yang lebih banyak, dan pengilang-pengilang kita dapat kayu yang lebih banyak bukan sahaja daripada punca-punca dalam negara kita bahkan dari luar. Barangkali ada undang-undang tidak membenarkan. Di sini-lah Kerajaan atau Kementerian boleh campurtangan. Kalau undang-undang tidak membenarkan impot kayu, pinda undang-undang dalam Dewan ini, dan kita dengan senang hati menyokong pindaan undang-undang itu.

Getah

Saya juga sangat sukacita, Tuan Yang di-pertua, berkenaan dengan perkara-perkara yang kita harap-harap sangat, iaitu satu independent rubber market telahpun dengan jayanya ditubuhkan di Kuala Lumpur. Ini memandangkan negara kita ini ialah sebuah negara alhamdulillah yang mengeluarkan getah yang banyak sekali dalam dunia ini, tetapi sampai hari ini kita belum tubuhkan satu independent rubber market di Kuala Lumpur. Kita rugi semata-mata. Getah ini kita bawa ke Singapura, Singapura yang tidak menanam getah, yang tidak mengusahakan perusahaan getah mendapat untung lebih banyak daripada si penanaman getah.

Ini kita rasa, malu. Saya rasa Kerajaan sudah pun memikirkan. Saya sendiri pun telah mengikuti perkara ini hampir-hampir 10 tahun dan akhir-nya Kerajaan dengan jayanya dapat menubuhkan, tetapi saya beri amaran yang cukup keras kepada Kerajaan. Kita mesti perhatikan perkara ini disabotajkan oleh orang kita juga, orang yang cari makan di sini, dapat untung besar di sini, tetapi duduk di Singapura. Saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kalau berjumpa dengan orang yang sedemikian itu samada millionaire, samada orang yang macam mana pun harta-harta mereka itu mestilah dibeku dahulu, mesti dibekukan dengan tidak bertanggung-tanggung lagi dan orang itu mestilah dihalau terus dari negeri kita ini, kerana ini adalah satu perkara yang sangat vital kepada tanahair kita ini. Mereka ini berpura-pura hendak menolong Kerajaan kita, tetapi sebenarnya mereka bawa duitnya dengan banyak sekali ke Singapura. Saya tahu orang-orang ini mempunyai harta yang banyak dalam tanahair kita ini. Saya dengan tegasnya telah mengatakan tadi orang yang macam ini tidak diinginkan oleh negara kita ini. Kita harap Kerajaan mengambil satu tindakan yang berkesan dan saya

brand orang ini betul-betul sabersif dan anti-national. Lagi cepat orang ini kita kikis daripada tanahair kita ini lebih berfaedah kepada negara kita dan kita boleh teruskan perniagaan kita ini dengan lebih licin dan lancar.

Sungguhpun kita mengeluarkan getah yang begitu banyak, saya minta Kerajaan suarakan perkara ini kepada orang-orang yang meminati perniagaan getah bukan sahaja dalam tanahair kita ini, tetapi di luar negeri sehingga sampai ke Timbuktu. Kalau dapat umpamanya getah beku kita bawa dari Indonesia, kita bawa dari Siam dan sebagainya, cara yang boleh kita untung kita bawa. Cara ini kita akan dapat foreign exchange yang lebih banyak dan juga memberi pekerjaan selain daripada mendapat untung yang besar.

Stockpile Getah

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar Amerika Syarikat mengeluarkan stockpilenya. Saya tidak percaya langsung melainkan saya tengok dengan mata kepala saya sendiri. Saya rasa stockpile yang selalu diagung-agungkan oleh Amerika Syarikat itu ialah satu simpanan token sahaja, tetapi sebenarnya dia merayu serata dunia ini mencarikan getah. Mengapa kita tidak buat semacam itu. Rasa saya, kalau kita hendak maju dalam dunia ini "We have got to play their game in order to get the best benefit". Inilah cara-cara yang dapat saya syorkan supaya Kerajaan bukan buat kepada getah sahaja bahkan timah, kelapa sawit dan sebagainya.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Socfin dan sebagainya hantar keluar minyak kelapa sawitnya jangan dibenarkan mereka itu bermaharajalela mengeluarkan dengan sendirian bahkan mestilah menerusi independent market kita. Independent market yang saya telah sebutkan dahulu itu janganlah kita tumpukan kepada getah sahaja, bahkan kepada segala-gala keluaran bahan-bahan dalam tanahair kita ini seperti nenas, kayu-kayan, kelapa sawit dan sebagainya.

Great Eastern Life

Saya sangat tertarik hati berkenaan dengan langkah Kerajaan yang berani menutup perniagaan Great Eastern Life. Great Eastern Life ini Headquartersnya ialah di Singapura. Di sini buat pejabat kecil sahaja, yang controlnya di Singapura. Saya rasa

bukan Great Eastern Life sahaja, banyak lagi firma yang sebelah kakinya di Singapura dan sebelah lagi di Malaysia kita ini. Langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan janganlah berhenti pada Great Eastern Life sahaja, bahkan tiap-tiap perniagaan yang seperti itu yang tidak taat setia kepada tanahair kita mestilah dikikis daripada tanahair kita ini.

Bank Bumiputra

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru saya sanjung tinggi, tetapi orang Melayu kita selalu kurang senang hati. Saya dan rakan-rakan saya yang telah lama berniaga tidak mengapalah, tetapi orang Melayu kita terasa sangat pedih ialah dari cakap-cakap orang Cina yang mengatakan: Oh! Orang Melayu tidak susah, ada Bank Bumiputra. Bank Bumiputra itu kepada orang Cina ialah Bank Melayu. Kita masuk sahaja pintu Bank Bumiputra dapat duit. Masuk sahaja pintu Bank Negara kita dapat duit, kata mereka. Kata-kata ini pedih sungguh mendengarnya. Bank Bumiputra ini ada menolong sedikit. Bank Negara kalau Melayu sahaja, langsung tidak ada kepercayaan. Saya rasa, Bank Negara telahpun menolong bangsa asing dan angkanya saya tidak boleh kira. Tetapi hendak menolong Melayu langsung tidak ada. Jadi inilah rasa sakit sangat. Tuduhan daripada orang Cina mengatakan Bank Negara dan Bank Bumiputra menolong orang Melayu, fikiran sedemikian ini patut dilupakan. Pegawai tinggi di Bank Negara dan sebagainya itu telahpun dianggutai oleh orang kita Melayu dan orang Melayu kebanyakannya tidak dapat jayakan Dasar Ekonomi Baru kita sepenuhnya kerana orang Melayu kita ini ada hasat dengki. Bila Melayu hendak berniaga; mereka kata, Melayu tidak ada minat, tidak ada technical know-how, tidak boleh buat itu. Kalau bangsa asing boleh. Saya tahu sangat hasrat Yang Berhormat Menteri Kewangan menggalakkan dan tolong orang Melayu sedaya-upaya. Tetapi pegawai-pegawai Melayu kita di bank-bank, terutama sekali di Bank Negara ini, orang Melayu rasa serik dan tidak mahu langsung pergi ke Bank Negara, kerana cara-cara mereka tidak hendak menolong orang Melayu kita.

Saya rasa kalau pendirian Bank Negara begitu, ubatnya satu sahaja. Cabaran tidak lama lagi akan datang daripada UMNO Youth ataupun cara-cara yang lain iaitu

orang-orang yang tidak diingini oleh masyarakat Melayu kita mesti hapuskan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita. Orang-orang bangsa asing tidak begitu. Misalnya Indian Bank, Chinese Bank, kalau Chinese Bank akan tolong kepada orang Cina dengan bersungguh-sungguh dan bermati-matian. Indian Overseas Bank pun begitu juga. Itu sebab orang Cina dan orang India senang berniaga. Orang Melayu dari kampung kita kadang-kadang mereka hendak pinjam \$1,000, cagaran ada—bukan orang Melayu hendak melutut, bukan hendak ambil duit Kerajaan dengan cara tidak ada cagaran—tidak sekali. Cagarannya ada, tetapi mereka itu akan dihambat daripada satu penjuror ke satu penjuror sampai setahun dua mereka tidak dapat modal yang hendak menjalankan perniagaannya. Padahal, Tuan Yang di-Pertua, sedia maklum perniagaan ini berkehendakkan duit then and there, serta-merta, kalau tidak peluang-peluang itu akan hilang daripada tangan kita. Apabila sekali hilang hendak cari peluang yang lain itu sangat susah dan sangat kekurangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa lama lagi Yang Berhormat?

Datuk Tajudin bin Ali: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya bercakap 5 minit sahaja. Saya telah difahamkan tidak lama dahulu, untuk kebaikan negara kita bermacam-macam, beberapa rancangan rak-saksa akan dijalankan di tanahair kita ini seperti Trengganu Tengah, Upper Perak dan sebagainya. Ini telahpun dinyatakan dengan tegasnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita bersyukur, tetapi apa yang menyusahkan pemikiran saya ialah orang Malaysia ini sebelum merdeka dahulu kita fikir orang Puteh itu seolah-olah bapa kitalah. Sekarangpun ada juga perasaan itu terutama sekali orang-orang kanan kita.

Sungguhpun orang-orang kita di tanahair kita ini ada berkebolehan dan sebagainya, tetapi mereka cukup percaya kepada orang puteh. Umpamanya, pakar perunding dibawa daripada England, sedikit sahaja fasal dibawa daripada England.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut suatu contoh yang tegas ke atas pakar perunding yang telah dibawa kerana menyiasat hal ehwal perkembangan dan pentadbiran Port Klang. Pakar Perunding diambil daripada England, walhal semua

facts diambil daripada Economic Planning Unit kita juga. Digunakan pegawai-pegawai kita juga. Sebelum laporan itu disiapkan dan dibentang kepada Kementerian yang berkenaan ianya sudahpun ke belakang, tak guna langsung, sudah terlewat. Kita kena bayar beratus-ratus ribu ringgit. Umpamanya, macam pakar perunding Trans-Perak, Trengganu Tengah dan sebagainya. Saya harap apabila pakar-pakar perunding ini hendak diambil, Kementerian yang berkenaan mestilah nyatakan bahawa mereka mestilah berganding bahu dengan orang-orang yang ada calibre dan kebolehan di tanahair kita ini supaya orang kita boleh menyatakan perkara yang sebenarnya dalam tanahair kita ini dan wang-wang yang mereka dapat itu tidak dibawa kesemuanya ke luar negeri. Kita hendaklah memikirkan tiap-tiap satu usaha yang dijalankan oleh pakar perunding ini adalah berharga berjuta-juta ringgit dan orang ini tidak membayar income tax langsung. Apa yang mereka dapat, terus dibawanya balik, dan saya harap kepada Kementerian yang berkenaan apabila berunding kelak mestilah pakar perunding ini mengadakan satu joint venture dan kalau boleh apabila jalankan satu-satu projek hendaklah menjadi suatu kebaikan kepada negara dan berfaedah kepada orang kita di samping boleh belajar sedikit-sebanyak daripada pakar-pakar perunding itu kelak.

Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.)

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan M.I.S.C. dari luar nampaknya cukup baik. Kapal Bunga Raya dan sebagainya. Saya merasa ragu-ragu juga, siapakah yang menjadi agen M.I.S.C. ini di Singapura? Siapakah yang menjadi ejen M.I.S.C. di Bangkok umpamanya? Saya rasa orang kita tak ada campur tangan. Saya takut sungguhpun ada wakil Kerajaan duduk di Lembaga ini, orang-orang ini cuma turut sahaja. Kerana saya tahu seorang ahli dalam Board M.I.S.C. ini boleh mempengaruhi 7-8 orang, kuat pengaruhnya, teguh pendiriannya dan orang-orang boleh panggil orang-orang besar kita dengan first name, begitu kuat sekali. Jadi pengaruh seperti itu kita mesti jaga baik-baik. Kadang-kadang kita akan terjerumus dalam pengaruh yang begitu kuat.

Syarikat Penerbangan MAS

Berkenaan dengan MAS, saya dapati laporan tahun sudah MAS telah membelanjakan minyak sahaja sebanyak \$21

juta dan kebanyakan kapal-kapal terbang asing yang datang ke Subang International Airport kita enggan mengambil minyak kita di sini. Mereka ambil minyak daripada Singapura. Ketageh juga mengambil minyak di Singapura. Kapal-kapal berhenti di Port Kelang, mengambil minyak di Singapura. Hari ini mahu pula, oleh sebab minyak tak ada di Singapura, baru hendak mengambil di sini. Saya kata, elok hari ini ambil di Singapura sahaja. Baru mereka mati di tengah laut. Inilah telatah seorang yang cukup panas hatinya kepada Malaysia kita ini. Ada juga price factor. Kalau sekiranya benar-benar price factor kapal-kapal terbang luar dan kapal-kapal luar tak mahu mengambil bunker di sini, saya minta kepada Kerajaan: The price factor must be matched. Kalau Singapura kenakan 85 sen segelen, kita kenakan 85 sen juga. Umpamanya, kalau minyak kita susah hendak bawa dari Port Dickson, dengan jalan lori payah dan sebagainya, bawa dengan keretapi sampai di Sungai Way Station, kita buat paip hantar terus ke Subang Airport. Perkara-perkara ini patutlah Kementerian-kementerian kita fikirkan supaya kita dapat hasil yang penuh sekali. Mengapa mereka datang ke sini, makan angin ke Port Kelang. Makan angin sahaja di Subang International Airport. Perkara-perkara keuntungan, mereka serahkan kepada Singapura. We have got to guard this small thing with all the jealousy for the benefit of our country to the utmost.

Ajensi kepada Melayu

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Ahli dari Kuala Selangor semalam menyatakan payah orang Melayu hendak dapat menjadi pengedar gelas (kaca) daripada satu kilang gelas yang baru ditubuhkan di Sungai Buluh. Saya sukacita sangat mendengar atas perkara itu, kerana saya sendiri duduk di situ. I have got to declare my interest there. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan jadi ajensi dan sebagainya datanglah berjumpa kita. Kita memang layan. Sebelum dia bangkitkan di Dewan ini, saya telah bagikan ajensi-ajensi kepada orang Melayu di Selangor dan juga di Perak. Orang Melayu banyak minat hendak berniaga kaca, datanglah, tetapi saya kadang-kadang takut umpamanya setengah-setengah Ahli Yang Berhormat tak kenal mana satu kaca, mana satu intan. Di situlah saya mesti tegas (firm).

Mana-mana yang hendak berniaga ber-sungguh-sungguh, kita beri. Kalau berbalik kepada Ali-Baba, saya akan tolak. Terima kasih.

Tuan V. David (Dato Kramat): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun 1974 Kerajaan telah berfikir harga getah dan bijih mendapat pasaran yang tetap di luar negeri, tetapi kalau harga ini turun barangkali rancangan-rancangan kita tidak akan dapat berjaya di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, the estimated expenditure for 1974 is self-explanatory, which is based on the increase in the price of rubber and tin. The price boom has also made those who are holding the reigns of power to be extremely extravagant. Many a time we have been deceived by the international market for rubber and tin. It would be wiser to take stock of our past experience in determining our future plans. Sir, in the event the price of rubber and tin fluctuates and if there is going to be the so-called release of stockpile, the downward trend in price may reverse the clock and bring a standstill to all the programmes and plans the Government has expressed in its objectives.

Sir, it is observed that most of the Ministers are engaged in extravagance. Ministers' personal out-riders and frequent trips abroad with large delegations can be reduced to save the plight of many who even do not have two meals a day. Sir, extravagance has been on the increase for the last few years; and there must be an end to this. Some of this extravagance has been a glamour of the party in power. There has been fanfare of Ministers' arrivals and departures either within State to State or abroad. Sir, it is only proper that the Government, which has been entrusted with certain responsibilities in spending public money, should be careful, so that the money could be utilised for the purpose of all the people and not to the advantage of a few.

Sir, while the Government has reluctantly accepted that inflation has touched its peak, it should venture into assisting the people of the lower income group. In this respect, Sir, suitable amendments should be introduced to the Income Tax Ordinance. The \$2,000

income group should be exempted from taxation and the ceiling should be raised to a reasonable level taking into consideration of the ever increasing rise in the cost of living.

Sir, whilst the rich are enjoying the economic boom, the wage earners and fixed income groups are choked by the rising prices of essential commodities. Sir, taxation on those who earn more than \$50,000 a year should be substantially increased. Sir, big business houses should be dealt with accordingly by the introduction of a super-tax, if necessary.

Sir, while the rich are allowed to go undealt by the Government by concessions given by the Government, the poor have been burdened with more and more taxation.

Sir, the Honourable Finance Minister estimates that the controversial sales tax would yield \$223 million in 1974, but what he has failed to assess is, in order to earn a revenue of over \$200 million, how many millions have been swindled of the taxpayers. Sir, it cannot be denied that one of the causes of the high rate of inflation in this country is the sales tax. This has been accepted even by his colleagues in the Alliance.

Sir, it is an undeniable fact that the sales tax has been abused by the manufacturers and wholesalers to the detriment of the consumers. It is not only my opinion but also of the public at large, that the introduction of the sales tax was a mistake Sir, nobody in this world, including our Finance Minister, is above making mistakes. He should therefore be bold enough to accept this mistake and abolish the sales tax.

Sir, I strongly urge the Government to eliminate the sales tax which has caused misery to millions of people in this country.

Sir, the Minister of Finance in his long speech stated:

“The requirements of labour and the needy will also be given more attention in 1974. The Ministry of Labour and Manpower will be allocated \$13 million to administer labour affairs.”

Sir, I regret to charge that the Industrial Relations Department of the Ministry of Labour and Manpower has come to a complete standstill. The conciliatory

machinery which is to foster and develop industrial relations has become too weak in the face of experienced, efficient and able officers having opted to join the private sector in the absence of promotion and recognition of their services.

Sir, the Industrial Relations Department has a unique role to play and as such this Department should function as a separate independent Division of the Ministry of Labour rather than amalgamating its activities with the Enforcement Department of the Ministry of Labour.

Sir, industrial relations is a specialised job and it needs trained men with patience and dedication. Many disputes are aggravated due to the lack of trained personnel who could command the respect and confidence of Trade Unions. Sir, I therefore propose:

- (a) The Department of Industrial Relations should be in operation as an independent unit in the Ministry of Labour and Manpower.
- (b) Dedicated, able, fair, efficient and experienced officers should be adequately complimented with promotions and status discouraging them from seeking employment in the private sector.

Sir, the Industrial Court has also an important role to play. From experience the Industrial Court does not possess the guts and independence it should have and it also should arise above all suspicion. Sir, in most cases, while the Industrial Court upholds that the dismissal of an employee was wrong and without reasonable cause, at the same time it does not have nerve to recommend his reinstatement. This may be due to an unfounded fear as the court has to earn the displeasure of the powerful employers and big business. Sir, if this is going to be the pattern the Court is going to adopt, then ultimately, the trade unions and the workers will be disillusioned and lose confidence in the Industrial Court. Sir, the Court must exercise its functions independently without fear or favour. The Court has a social and moral obligation towards the deprived and the underprivileged and if it fails to exercise fairness and justice, then the workers will be driven to despair. Sir, I hope that the Industrial Court will live up to the workers' expectation by being a Court of conscience and social justice.

Sir, the Industrial Relations Act of 1967 was introduced with the sole object of regulating industrial relations thereby maintaining industrial peace, but the fact is that the Act has several loopholes that are being exploited by the employers to the detriment of workers. Sir, I will quote just one case which happened recently. This is in connection with the dispute between the workers and Lian Yit Engineering Works which started in April 1973, when 15 of the workers were dismissed without any valid reason. The workers protested and the employers locked them out. Since then they remained locked out. The big dispute was referred to the Industrial Court. On the 3rd September 1973, the Court gave an award that the workers must be reinstated and paid their monetary compensation. In accordance with the Industrial Relations Act it is mandatory that the parties involved in a dispute must abide by the award. However, the management wilfully and deliberately refused to reinstate the workers and to pay the monetary compensation. They locked the gate and put up a notice; "All workers wishing to return to work be informed that there is no work at the present moment. When there is work we will inform you."

Sir, the workers have again gone to the Court for an Order. In the meanwhile about 1,000 workers are still in the streets in spite of the fact that the Court gave an award of reinstatement on 4th September, 1973. The workers are so desperate that they seem to have lost faith in the Industrial Court and the concept of our industrial relations.

Sir, I also understand that the factory is functioning but I do not know whether under the same name or under a different name. Sir, I wish to ask the Minister of Labour and Manpower how he intends to deal with such unscrupulous employers who are even prepared to defy the Industrial Court.

There is growing discontentment among the Civil servants on certain arbitrary and autocratic powers exercised by the Government. May I quote from the book written by Tan Sri Justice Mohd. Suffian bin Hashim, "An Introduction to the Federal Constitution". On Page 105 of the book, Tan Sri Justice Suffian states:

"Today General Orders are made under Clause (2) of Article 132 of Federal

Constitution and probably have the force of law. The current regulations governing the discipline of public officers are the Essential (General Orders (Chapter D) Regulations, 1969, published at P.U. (A) 273 on 28th July, 1969, and made by the Director of Operations under Section 2 of the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 1 (1969) and suspending the Public Officers (Conduct and Discipline) (General Orders (Chapter D), Regulations 1968 (published as P.U. 290 on 18th July 1968) during the emergency proclaimed following the 13th May 1969 riots."

He also goes further to state:

"A glance at the regulations will show that it is not only in the case of dismissal or reduction in rank that the Public Officer must be given a reasonable opportunity of being heard, but in some other cases also."

Sir, my questions are:

1. (a) Did the Director of Operations authorise under Section 2 of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 1 of 1969, to make the said Essential (General Orders (Chapter D) Regulations published as P.U. (A) 273 on the 28th July, 1969 under Article 132 of the Malaysian Constitution?

(b) Before this question is answered, I may also refer to the letters Perj: Sulit 2600/Pt: 5/5j/2 by Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin and Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia, Tan Sri Syed Zahiruddin bin Syed Hassan's letter Perj: Sulit 2600/PE 5/SJ/4 dated 22nd January, 1970, who in their letters to a constituent body, the Malayan Technical Services Union, Kuala Lumpur, stated categorically that the Regulations (Essential (General Orders, Chapter D) Regulations 1969) are consistent with the Federal Constitution, meaning, of course, that the said Regulations in General Order Chapter D are all made under Article 132 and that they are consistent with the Federal Constitution.

2. Can, therefore, this House be informed and have the confirmation that the regulations referred to in the said Essential (General Orders Chapter D) Regulations 1969 are consistent with the Federal Constitution and that they were made under Article 132 of the Federal Constitution?

Sir, as a matter of procedure, and from what I understand from Section (3) of Article 150 of the Federal Constitution:

“A Proclamation of Emergency and any Ordinance promulgated under Clause (2) shall be laid before both Houses of Parliament and if not sooner revoked, shall cease to have effect if resolutions are passed by both Houses annulling such Proclamation or Ordinance,” etc.

3. Sir, why was then that the Essential (General Orders, Chapter D) Regulations 1969, published as P.U. (A) 273 on 28th July, 1969 not laid before this House of Parliament? Why was this mandatory requirement not complied with? Sir, am I to assume that the Government had acted unconstitutionally in this matter?

On page 195 of the book “An Introduction to the Constitution”, the Federal Judge, presently Chief Justice of Malaysia, says:

“In the middle of 1970 the Government felt that the security situation of Malaya had improved sufficiently to justify the resumption of Parliamentary democracy and in due course the uncompleted elections to the Lower House and to State Legislative Assemblies were held and eventually on 20th February, 1971 Parliament was reconvened, followed first by one State Assembly and then all the others until today the system of Parliamentary democracy that had been introduced on independence is again in full swing.”

Sir, this being the position, may I ask why was the Essential (General Orders, Chapter D) Regulations 1969, published as P.U. (A) 273 on 28th July, 1969 not laid before Parliament in accordance with the mandatory requirement of Section (3) of Article 150? Is this because of the preamble in Section 2 of P.U. (A) 273 which states:

“For so long as the state of Emergency continues to be in force the provisions of the Public Officers (Conduct and Discipline) (General Orders Chapter D), Regulations, 1968 shall be suspended and the provisions of the Public Officers (Conduct and Discipline) (General Orders Chapter D) Regulations 1969 as set out in the Schedule hereto shall have effect in place thereof”?

The said Essential (General Orders, Chapter D) Regulations 1969, published as P.U. (A) 273 are impliedly revoked and that the Public Officers (Conduct and Discipline) General Orders Chapter D) Regulations 1968 is *ipso facto* revived with reconvening of Parliament on 20th February, 1971 because the system of Parliamentary democracy that had been introduced on independence is again in full swing.

Sir, otherwise Members must note that Emergency regulations are transitory in character and are made for the period of Emergency only and cannot be imposed on the community forever. Sir, if it is not meant to be permanent and everlasting, the emergency situation cannot be exploited upon. It cannot be used as a cloak for constitutional breach and violations. It is, therefore, our duty as representatives of the people to see that the executives in our country act within their powers and not exploit the situation under the cloak of emergency. It is the paramount duty of the representatives of the people here to see that the Public Service in this country is free from political interference.

Sir, I may say at this stage that in a modern democratic state, the efficiency and incorruptibility of public administration is of such importance that it is essential to afford Civil servants adequate protection against capricious action from their superior authority. If permanent civil servants are guilty of misconduct, they should no doubt be proceeded against promptly under the relevant disciplinary rules, subject, of course, to the safeguard prescribed by Article 135, but in regard to honest, genuine, straightforward and efficient permanent Civil servants it is of utmost importance even from the point of view of the State that they should enjoy a sense of security which alone can make them independent and truly efficient. The Sword of Damocles which has been hanging over them in the form of the (Emergency) Essential (General Orders, Chapter D) Regulations, 1969 would inevitably create a sense of insecurity in the minds of the Civil servants and would invest appropriate authorities with very wide powers which may be abused. Sir, if we accept the interpretation of Tan Sri Justice Suffian, then the Essential (General Orders, Chapter D) Regulations, 1969 should have

been completely revoked when Parliament was reconvened on 20th February 1971 and Public Officers (Conduct and Discipline) (General Orders, Chapter D) Regulations, 1968 should have been *ipso facto* revived. Sir, I therefore ask the Prime Minister to confirm that General Orders Regulations 1968 are the regulations that are in force today? In other words, the Emergency Regulations are in force against the very spirit of the Constitution and they are there unconstitutionally. There are quite a number of senior Civil servants who have been demoted and compelled to resign from their services under these regulations, and I hope the Prime Minister will clarify the position in this House at a later stage.

Sir, the Minister of Finance stated:

“The industrial and communications sector continues to get a large share of the cake to maintain the level of industrial development achieved so far and to provide better communications and transport facilities. It receives an allocation of \$561 million which is 42% higher than in 1973”.

Sir, I will not agree that our communication system has improved. This is only an illusion. We have a Minister of Communications who is unable to communicate, nor can he be communicated. Sir, the Minister of Communications has completely bungled public transportation. There have been more derailments and mismanagement of the Keretapi Tanah Melayu than in the past. Sir, according to yesterday's Press reports, there have been more than 300 derailments during the last few months. Sir, public transportations can only be modernised if the present Minister of Communications resigns who, in his absolute wisdom, has only been able to bring chaos to public transportation. Sir, may I attempt to remind the Honourable Minister of Communications that public transport is not for profit-making but it is a social service to which the taxpayers of this country are entitled. Further, public transportation is the life-wire of the commercial and economic life of the nation and we must see that public transportation is geared to the maximum standard of efficiency.

Sir, the Minister of Communications has closed down a number of rail routes on the ground that they are not economically viable.

Why were these routes closed when members of the public are jammed on the roads, at times waiting in bus stands for hours? The rail transport should have been developed and improved to merit the progress of our nation. Instead of this, the Railway is being run like operating a kitchen. There is definitely a decline in efficiency because persons knowing nothing about railway engines are placed in responsible and key positions. The Railway Services Commission should be scrapped. Spending on the Railway Service Commission is a colossal waste.

Sir, the Minister of Communications has been pulling wool over the eyes of the people by denying the charges that the Keretapi Tanah Melayu is allowing officers to remain in acting position for years and then promote junior above the seniors. Sir, here again the Suffian Commission which made its recommendations has said that no person shall act in a position for more than 6 months. In the case of the Keretapi Tanah Melayu, there are people who have been acting for more than 2 years. Sir, may I ask the Minister these questions:

- (a) Why has there been frequent derailments?
- (b) Why passenger trains do not leave on time or arrive on time?
- (c) Why certain routes were closed down?
- (d) The number of officers who have been holding acting appointments for more than 6 months in the past as well as now.

Sir, the road transport system in the City of Kuala Lumpur is also in chaos. Hundreds of passengers along the road from Petaling Jaya to Kuala Lumpur have to wait for a long time for buses. To serve the need of half a million people both in the City of Kuala Lumpur and Petaling Jaya satisfactorily, it calls for re-organisation of the entire road transport system. Inefficient and mismanaged transport system has become a permanent feature in our society.

Sir, I recommend the following solutions:

- (a) More buses on the roads.
- (b) Frequent services to eliminate waiting.
- (c) Alternate transportation, if necessary, to cope with the demand.
- (d) Monopolistic rights of bus companies should go and make way for more undertakings.

Sir, in September this year the Minister of Communications is reported in the *Straits Times* to have said in London. I quote:

“A hover train circuit round and about Kuala Lumpur for quicker passage from one busy point to another and to ease traffic congestion, a fact for the near future or a futuristic thought”.

“The question is projected by the ride which the Communications Minister, Tan Sri Sardon, will have on a hover train in Paris next week. Thinking out aloud during an interview here yesterday, Tan Sri Sardon reflected that there were possibilities for a hover train service perhaps in and around the Federal Capital with branches to Petaling Jaya, Shah Alam and Port Klang. But of course, he added, much would depend upon the capital and maintenance costs.”

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What are you quoting—I couldn't hear?

Tuan V. David: This is from the *Straits Times*, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: In the *Straits Times*, what date?

Tuan V. David: This is in September, 1973. I do not have the exact date, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: September has 30 days.

Tuan V. David: In September, while he was in London, Sir. Except for frequent utterances in the Press, the Minister of Communications has not made a single effort to improve or expand the public transport. Sir, is there going to be a hover train service? If there is one, I think we would welcome that. Has there been a study in this respect made by the Government? All these questions are vital to be answered in order to know whether or not public transportation will be improved in this country. I hope the Minister of Communications will make a clear-cut statement during his reply.

Sir, the promotions in the Postal Department, especially relating to postmen, has been most unfairly and unjustly done and does not contribute towards a multi-racial society and national unity is being stripped and teased. Sir, in 1971, 31 postmen were

promoted to various grades and among these only 4 were non-bumiputras. In 1972, 42 postmen were promoted and among these only 8 were non-bumiputras. In 1973, 56 postmen were promoted and among these only 6 were non-bumiputras.

Sir, during all these three years I am sure at least more than 100 non-bumiputras have been interviewed. All the postmen who went for interview had passed their departmental written examinations but juniors were promoted above the seniors despite the fact they possessed all the required qualifications. May I now categorically declare that the racial balance in Government promotions is absolutely nil and is an empty slogan to deceive the people. Sir, I would invite the Minister of Communications, who is also responsible for the Postal Service, to make a thorough investigation into the promotions in the Postal Department so as to create confidence among the people who have been affected and also confidence among the people at large.

Sir, the Deputy Minister of Information the other day took the liberty to refer to my recent statement in this House as regards the state of affairs in his Ministry as “street talks”. It is, of course, most unbecoming for a Minister to make such reference when he has not been able to deny the allegations made against his Ministry. Sir, I am sure he cannot deny that the Chinese Section and the Tamil Section of the Broadcasting Department have been completely abolished. Sir, local artists willing to perform in Chinese and in Tamil have no place in his Ministry. Sir, this move is definitely aimed at destroying the cultures of the Chinese and the Indian communities. This, of course, is against national unity and the Rukunegara. The dictatorial behaviour of the Minister in his Ministry is now an open secret because he operates the Television and Radio Malaysia for himself alone and not for the people of this country. Let me remind him that recognition of the multi-racial nature of our nation should not remain just an empty slogan, but it must be felt by the people. The Honourable Minister in his reply stated that the programmes of Radio and Television Malaysia are directed towards achieving integration of the multi-racial society in Malaysia. I must frankly and categorically state that what is happening at the moment is resentment and disintegration.

Sir, hundreds of Form G applications for citizenship have been shelved for years and not processed and disposed of. Application for citizenship in Form G is made by those who do not possess valid birth certificates or those who are born outside Malaysia. Most of the workers in the rural areas were born in Malaysia but failed to register their birth through ignorance or because of the Japanese Occupation. In many cases the Form G applicants have lived all their lives in this country and have fulfilled all the requirements under the law including a pass in Bahasa Malaysia. In spite of the qualifications, the Government deliberately keeps the applicants waiting for years in anxiety and agony. I also understand that the Ministry has directed the Citizenship Department not to approve any applications submitted on Form G. Sir, I am sure the Minister concerned can clarify this.

This has brought hardship to many in this country. At times, an applicant has to wait for three years and finally receives a stereotyped reply that his case has been rejected. In the event he appeals it takes another few years. This attitude of the Ministry it seems to me is to deny the rights of citizenship to those who apply under Form G. The applications are not fairly and justly dealt with by the Department. I am of course of the opinion that the Minister may not have been aware of this alarming situation, as he would have been prevented by his subordinates to know the details of each case. I am confident if the Minister would spare some time to these cases he will be able to assess them fairly.

4.22 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Darvel): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Kerajaan di dalam Parlimen yang berbahagia ini. Sambil menyokong ingin juga saya turut memberikan pandangan-pandangan yang difikirkan boleh membawa kemajuan hidup rakyat kita tidak kira di mana sahaja mereka berada. Bagi saya Belanjawan yang di pinta oleh Kerajaan pada tahun ini adalah sebagai menyahut cita-cita rakyat dengan kehendak rakyat. Itulah sebabnya segala projek-projek yang dirancang oleh Kerajaan Perikatan banyak yang menjadikan hasil

keturunan kita di masa yang akan datang, tidak kira daripada keturunan yang menyokong mahupun yang membangkang, sama-sama merasai nikmatnya.

Pendirian Kerajaan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat sekarang Kerajaan Malaysia makin lama semakin matang pemikirannya dan telah berani membuat keputusan-keputusan kedudukannya di antarabangsa, lebih-lebih lagi masa di kekecohan yang berlaku di Asia Barat. Keputusan yang dibuat oleh Malaysia atas pendiriannya itu sangat-sangat dipuji dan di sokong oleh rakyat. Bagi saya keputusan yang dibuat oleh Malaysia ini adalah praktikal kerana sesuatu keputusan negara itu bukannya diputuskan di hujung benet oleh negara lain bahkan keputusan yang bertanggungjawab. Juga adalah tidak logik bagi Amerika membuat keputusan perundingan antarabangsa pun tidak boleh menghapuskan ketegangan di Asia Barat itu. Amerika ini buta tentang fact ini iaitu dengan perundingan di hujung benet mereka boleh fikir merentikan ketegangan itu. Adalah tidak wajar mereka menggunakan perundingan sebagai satu tektik untuk mencari kemenangan masa untuk mengalihkan pandangan dunia, malah untuk membuat persediaan bagi pihak aggressor untuk bertapak dengan tetap di tanah negeri orang.

Kuasa Tenaga

Tuan Yang di-Pertua, masalah tenaga adalah satu masalah yang rumit juga. Baru-baru ini kita dapat tahu banyak negara tidak dapat menjalankan tenaga dalam negerinya oleh kerana kekurangan minyak tetapi negara kita sebaliknya. Bagi negeri saya dan di kawasan residensi saya patut diadakan kuasa tenaga sepertimana yang ada di Semenanjung Malaysia ini iaitu seperti di Port Dickson, Johor Bahru, Melaka dan banyak lagi tempat-tempat lain. Kiranya sesuatu negeri itu sedang membangun dengan pesatnya maka di mana yang dikehendaki itu kurang kuasa maka pembangunan yang sedang berjalan dengan lancar itu juga akan terbantut. Di tempat kawasan saya selalu didapati kuasa tenaga letrik mesyen yang mengendalikan kuasa tenaga itu adalah sangat kecil dan tidak sepadan dengan bebanan yang hendak dibekalkan. Oleh itu, saya harap dapatlah diikhtirakan suatu kuasa tenaga di sebelah sana, kalau sekiranya tidak

boleh diadakan dengan segera kerana kekurangan material maka saya syorkan suatu cadangan dibuat daripada pinjaman luar ataupun dengan apa-apa cara sekalipun asalkan berjaya.

Jalan Raya

Tuan Yang di-Pertua, jalanraya adalah satu perhubungan yang baik dan prektik bagi rakyat kita. Rakyat di tempat yang saya wakili mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah dapat diikhtiarkan perhubungan antara Semporna dengan Tawau. Kalau tidak dengan kesedaran kita dan masih lagi di bawah kuasa penjajah, maka jalan yang seperti ini tidaklah dimimpikan. Dengan jalan Semporna/Tawau telah dapat banyak memberi ilham kepada penduduk di sana oleh kerana Tawau ada mempunyai pelabuhan dan dengan perhubungan udara setiap hari, dan juga dengan jalan ini dapat penduduk-penduduk di sana mengangkut barang-barang keperluannya melalui jalanraya dengan segera dan mudah.

Semenjak merdeka inilah satu tugu yang pertama yang boleh dapat rakyat di tempat saya itu banggakan, tetapi oleh kerana agaknya pembinaan jalan ini tidak berjalan dengan begitu lancar atau dengan tidak sempurna maka jalan yang menjadi lambang atau tugu ini kalau dibiarkan kerosakannya akan melarat. Oleh itu saya harap dapatlah Menteri yang berkenaan pergi melihat dengan sendiri jalan baru ini agar kiranya tidak dapat dibaiki dan disempurnakan pembinaan jalan atau pembetulan kepada yang terlalu rosak agar dapat menyejokkan hati rakyat yang telah rosak apabila bertemu dengan Menteri yang bertanggungjawab, supaya jangan dibiarkan progress pembinaan dan pembaikan tidak mengikut kemajuan pembangunan yang sedang berjalan. Saya takut Rancangan Malaysia Kedua ini habis tempohnya maka jalan yang dibanggakan ini masih lagi berjalan pembinaannya macam kura-kura.

Undang-undang

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang adalah satu kemegahan bagi satu-satu negara. Negara kita berjalan dan ditadbirkan oleh undang-undang yang baik dan berkesan. Jika sekiranya sesuatu negeri itu tidak ada undang-undang, maka saya masih teringat lagi ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail kita berkata, "negeri yang tidak mempunyai

undang-undang akan menjadi the law of the jungle". Undang-undang di negeri Israel, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat tahu mempunyai undang-undang yang unique dalam dunia. Mereka boleh menangkap orang-orang yang membuat kesalahan di luar negerinya atau dalam negerinya, walaupun rakyat negeri lain, dia boleh membawa balik ke negerinya untuk dibicarakan, tetapi kita tidak mempunyai undang-undang yang sebegitu, kerana itu zalim namanya. Ada pula di negeri kita terutamanya di tempat saya, ada orang-orang yang telah melanggar undang-undang yang kita luluskan disini ataupun di Dewan Negeri, tetapi tidak diadilkan sudah beberapa lama. Kalau dibiarkan begitu dengan tidak dibawa untuk diadilkan, maka orang-orang tidak akan menghormati atau tidak akan takut kepada undang-undang kita dan akan menjadi undang-undang hutan. Saya harap pensalah undang-undang ini patut segera diadilkan, jikalau tidak akan buruk padahnya.

Rancangan Kesihatan

Tuan Yang di-Pertua, rancangan kesihatan juga di kawasan saya tidak mengikut harus kemajuan pada masa ini. Kerana kita sedia maklum bahawa penduduk-penduduk dari sehari ke sehari kian bertambah dan sudah tentu kesesakan hidup akan dirasakan. Negara yang maju dan makmur adalah terdiri daripada penduduknya yang sihat dan bahagia dan Malaysia juga berharap dapat demikian. Di kawasan saya Hospital adalah berkurangan dan juga kakitangannya yang hendak merawat pesakit pun kurang. Pesakit-pesakit luar tiap-tiap hari berduyundyun datang untuk mendapatkan rawatan. Maklum sahajalah orang-orang di sana kalau datang untuk mendapatkan rawatan ini bukannya senang perjalanannya terpaksa mereka bersusah-payah dahulu oleh kerana keadaan perhubungannya itu susah atau sukar dan pula sampai di rumah-rumah kesihatan untuk mendapatkan rawatan pula didapatinya susah dan sukar juga. Jadi saolah-olah sudah jatuh ditimpa tangga pula. Saya harap dapat Yang Berhormat Menteri mengikhtiarkan sesuatu yang boleh memberi kebaikan kepada rakyat di sana iaitu dengan menambahkan doktor, hospital dan kakitangan daripada yang ada sekarang. Rakyat kita yang di sebelah sana sangat-sangat berterima kasih atas pertolongan kesihatan oleh Menteri Yang Berhormat itu kiranya dapat disegerakan.

Perdagangan dan Industri

Dalam masaalah perdagangan dan industri pula, Kerajaan Pusat hendaklah ikhtiar banyak lagi perusahaan-perusahaan di sebelah sana iaitu selaras dengan slogan yang kita laung-laungkan seperti membawa perusahaan ke luar bandar. Kerana di sana pembuat-pembuat barang keperluan adalah menjadi keutamaan dan nafas kepada hidupan mereka. Dengan ketiadaan perusahaan di sana maka kehidupan rakyat adalah untuk mendapatkan serba-serbi dan saya takut pengangguran juga akan bertambah, tak macam di sebelah sini saya lihat banyak perusahaan barang-barang keperluan hidup didapati. Perusahaan-perusahaan keperluan harian yang semacam ini patut ditunjukkan di mana untuk ditubuhkan dan jangan dibiarkan mengikut sesuka hati mereka untuk mencari keuntungan yang berlebihan dan kemudahan untuk mendirikan satu-satu perusahaan itu. Pada masa sekarang pemikiran kita sudah matang dan jangan kita ikutkan sangat bagi perusahaan-perusahaan yang hendak mendirikan perusahaan ini di mana mereka suka. Mereka patut mengikut kehendak negara dan negara pula pandai pula membagi sama rata antara semua negeri yang ada dalam Malaysia. Kita mempunyai banyak raw material dan bagi saya dengan kekayaan raw material tempatan itu jangan pula menjadi alat yang boleh mengancam negara kita sendiri. Maka oleh kerana kami di sana kurang dengan pengetahuan dalam perusahaan dan perdagangan maka kami menunggu dengan tangan yang terbuka kepada sesiapa yang ingin membuka perusahaan di sebelah sana. Oleh itu saya haraplah kepada Kerajaan mengikhtiarkan sungguh-sungguh membanyakkan lagi perusahaan di sebelah sana dan sekiranya perlu digunakan kuasa supaya kemajuan Malaysia dapat dirasai oleh semua.

Ekonomi Bumiputra

Tuan Yang di-Pertua, rancangan Malaysia kita terutama sekali rancangan-rancangan untuk meninggikan ekonomi bumiputra telah kita ketahui berjalan dengan baik dan lancar, oleh kerana dengan adanya rancangan yang demikian, serampang 2 mata, segala-galanya telah berjalan dengan baik dan kita telahpun mengkaji rancangan-rancangannya telah dikatakan memberi faedah yang baik sekali kepada rakyat Malaysia tidak kira dari apa keturunannya. Dalam pada itu apa yang

saya harap di dalam pelaksanaan projek-projek rancangan pembangunan dalam negara kita terutama sekali negeri yang berjauhan diseberang Semenanjung Malaysia atau ibukota kita ini, janganlah didiamkan sahaja ataupun dibiarkan berjalan dengan sendirinya. Saya harap dapat satu daya pengerak dan peninjau kepada rancangan-rancangan itu supaya dapat berjalan dengan lancarnya satu-satu projek itu sepertimana dikehendaki atau dijadualkan.

Dasar meninggikan taraf ekonomi bumiputra seperti yang dikehendaki dalam Dasar Ekonomi Baru itu, bumiputra di sebelah Sabah hendaklah jua diambil tindakan sama supaya sejajar dengan kehendak kita. Kalau sekiranya rancangan serampang 2 mata tidak dapat berjalan dengan betul maka saya syorkan satu mata lagi ditambah khas untuk rakyat bumiputra di Sabah bagi meninggikan taraf hidupnya dalam segala lapangan. Satu kuasa yang active untuk meninjau dan bertindak kegiatan-kegiatan pembangunan di Sabah hendaklah diwujudkan supaya dapat diambil tindakan yang segera dan wajar.

Perumahan

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan, rakyat Malaysia sungguh-sungguh terutang budi kepada Kerajaan Perikatan, kerana telah mengikhtiarkan cara-cara supaya harga rumah akan turun agar dapat dinikmati oleh semua. Dengan ini pula, rakyat, terutama sekali yang makan gaji ada peluang untuk mempunyai sebuah rumahnya sendiri; dengan mempunyai rumah sendiri; walaupun kecil, mereka akan hidup bahagia. Sekiranya harga rumah melambung tinggi maka rumah-rumah haram akan bermaharajalela, pembinaannya akan melanggar undang-undang, baik di peringkat federal mahupun di peringkat negeri.

Mengenai rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan pula, menurut komen mereka, kebanyakannya menolak ialah kerana pada fikiran mereka, mereka akan hanya menyewa seumur hidup. Rumah-rumah flat yang dibina oleh Kerajaan, pada kebiasaannya adalah menjadi hak kerajaan atau adakah kerajaan berfikir penghuni-penghuni yang sekarang ini dibenarkan membelinya pada harga sekarang dengan cara yang mudah. Mereka berkata, sekiranya kerajaan tidak memikirkan untuk menjualnya dari sekarang, boleh jadi, mereka tidak akan

mampu lagi untuk membeli sama sekali, dengan harga yang makin sehari makin melambung tinggi. Dengan football, money dikenakan di kebanyakan tempat dan berbagai bayaran yang tidak berresit dan helah. Bagi rakyat Malaysia yang setia yang hendak membeli rumah idamannya akan menjadi satu impian sahaja, lebih-lebih lagi orang muda yang baru berkahwin dan juga pesara-pesara. Jadi dengan adanya kemudahan undang-undang pelepasan cukai yang telah diumumkan oleh Kerajaan, maka rakyat kita akan menunggu ketibaan rumah yang murah.

Lawatan-lawatan Muhibbah

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan juga Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang ingin hidup bahagia dan memerintah berperi kemanusiaan. Hendaknya cara pemerintahan ini akan berkekalan agar pemerintah-pemerintah yang lain juga dapat melihat dan mencontohi apa yang kita amalkan agar menjadi kebaikan kepada semua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telahpun membuat lawatan muhibbah perpaduan dan persahabatan ke Singapura dan Perdana Menterinya juga menteri-menteri Singapura yang lain pun membuat lawatan yang sama ke Malaysia. Saya harap dengan lawatan-lawatan itu antara kedua negara ini akan dapat memupuk dan menelurkan persahabatan dan persaudaraan yang lebih erat lagi daripada masa-masa yang lalu.

Syarat Kereta Malaysia Masuk ke Singapura

Tetapi apa yang mendukacitakan rakyat Malaysia, setelah lawatan-lawatan bertukar, senyum-senyum bertukar, champaign-champaign bertukar, di sebalik senyuman ini Kerajaan Singapura telah mengenakan satu syarat bagi kereta-kereta berdaftar Malaysia memasuki negerinya. Cara-cara mengenakan syarat-syarat mengejut kemasukan kereta-kereta Malaysia ke Singapura ini sangat-sangat mendukacitakan, dengan tidak memberitahu Kerajaan kita terlebih dahulu. Sepatutnya Kerajaan kita, dengan pegawai dan perhubungan yang cukup, hendaklah mengambil cara-cara yang tertentu untuk mengelakkan kekeliruan rakyat sama sekali seperti syarat yang dikenakan oleh Singapura itu. Kerana kita sekarang banyak menggunakan wang membina jalan-jalan raya, maka sudah tentu sekiranya syarat yang sama juga

dikenakan dapat juga kita sedikit sebanyak mengurangkan kesesakan jalan raya, dapat juga merengangkan bebanan rakyat untuk membina pembangunan yang sedang berjalan dengan pesatnya. Saya percaya sekiranya syarat yang sama dikenakan atas kereta-kereta Singapura di Semenanjung Malaysia rakyat akan berpuas hati, kiranya lambat tindakan diambil, maka satu cancer terbuka dalam dada rakyat kita ke atas perbuatan Kerajaan Singapura. Kita ada banyak jalan yang elok dan saya masih teringat lagi, kalau tak salah saya, masa soal-jawab dalam Dewan yang mulia ini pada 10-12-73, Menteri Perhubungan kita telah menyatakan, sistem perhubungan jalan-raya dalam negeri Semenanjung Malaysia adalah yang terbaik sekali, maka sudah tentu dengan perhubungan yang baik begini mestilah menggunakan perbelanjaan yang banyak. Apa yang didapati oleh saya perbuatan Kerajaan Singapura ini, setelah bertukar-tukar lawatan persaudaraan dan persahabatan, setelah bertukar-tukar cendera-mata, satu trajidi yang sangat sedih ialah, semuanya terjadi di sebalik senyuman persahabatan.

4.40 petang.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam masa membentangkan anggaran belanjawannya, saya juga mengambil peluang mengucapkan tahniah khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan amnya kepada Kerajaan kerana telah berjaya membentangkan satu anggaran belanjawan yang tidak pedih dan tidak sakit untuk dipikul dan ditanggung oleh negara dan rakyat dan juga tidak sebarang apa kekurangan di dalam belanjawan itu sendiri dan juga di dalam belanjawan pembangunan negara.

Dewan ini baru sahaja meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Dengan adanya kajian ini dapatlah rakyat negeri ini mengetahui sejauh mana kita telah berjalan dan sejauh mana pula kita akan sampai pada tahun-tahun hadapan. Dalam usaha kita untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua dan menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan hendak membentuk semula masyarakat Malaysia dengan jalan menghapuskan kemiskinan dan perbezaan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak seorang pun dalam Dewan ini yang akan menyangkal sebarang usaha Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat di negara kita yang terdiri dari berbagai-bagai kaum sebab kemiskinan itu adalah seteru dan musuh manusia. Tetapi memandangkan keadaan dan masyarakat kita iaitu keadaan masyarakat yang ditinggalkan atau yang diwariskan oleh penjajah kepada kita dan yang kita sekarang berhempas-pulas untuk membentuknya semula maka dengan sebab itu timbullah soal keutamaan-keutamaan ataupun priorities, iaitu mana yang hendak didahulukan dan manapula yang hendak dikemudiankan bagi memelihara stability dan pengimbangan yang adil di antara kaum-kaum yang duduk dalam negeri ini.

Soal-soal Perkauman

Dalam keadaan mendahulukan yang patut didahulukan dan mengkemudiankan perkara yang kurang penting dan patut diundurkan maka dalam keadaan seumpama inilah timbul dan terbit pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab memainkan peranan politik mereka yang merbahaya dengan membangkitkan soal-soal perkauman dan mengungkit-ungkitkan perkara-perkara yang boleh mencetuskan rasa cemburu dan keciwa di kalangan rakyat negara kita dan meruncingkan perasaan perkauman yang ada dalam negeri ini. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini masih terdapat pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab itu yang sentiasa memalu gendang perkauman dengan hebatnya. Penubuhan MARA, PERNAS, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi di negeri-negeri dan sebagainya telah menjadi sasaran kritik dan kecaman daripada pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab itu.

Setelah berbelas tahun kita merdeka dan setelah kita menempuh berbagai-bagai pengalaman yang pahit dan manis sudah sepatutnyalah kita lebih berakal, lebih siuman dan lebih adil dalam pertimbangan kita dan sepatutnya kita lebih objektif dalam segala tindak-tanduk dan tutur-kata kita.

Rancangan Ekonomi Baru

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengistiharkan dasarnya ke seluruh dunia bahawa rancangan ekonomi barunya akan dijalankan dengan tidak memilih kaum atau tidak didasarkan atas kaum, ugama atau warna dan Kerajaan telah berulang-ulang

menegaskan bahawa Kerajaan tidak berniat sama sekali hendak merampas hak sesiapa yang berhak atau menggalang sesiapa pun daripada menikmati kemakmuran negara kita.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua

Seperkara yang sangat-sangat menghiris jantung ialah apakala kita membaca Buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Dalam Buku Kajian Separuh Penggal ini kita dapat melihat dengan jelas dan terang betapa merosotnya dan buruknya keadaan orang-orang Melayu dan bumiputra dalam tanahair kita ini. Kalau kita semak jadual yang terbentang di dalam buku ini sepatutnyalah kita mesti berasa insaf kepada keadaan ini. Mengikut peratus (percentage) yang ada di sini keluarga Melayu yang mempunyai pendapatan di antara \$1 dengan \$100 lebih kurang 80% daripada jumlah keluarga-keluarga yang mempunyai pendapatan kecil itu dan orang-orang yang berpendapatan daripada \$100 ke \$200 sebulan peratus orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain pun tidak kurang daripada 50%. Inilah kaum atau kumpulan rakyat dalam tanahair ini yang patut diirihatkan oleh sebarang manusia yang mempunyai hati-perut dan perasaan peri-kemanusiaan?

Kita ingin mendengar suara daripada sesiapa juga dalam tanahair kita ini mendesak Kerajaan supaya keadaan ini segera dibetulkan, segera dibaiki, kerana keadaan tidak seimbang yang seumpama ini sangat merbahaya atas keselamatan negara kita. Kalau ada juga orang-orang yang cuba hendak mengungkit-ungkitkan apa yang Kerajaan buat untuk hendak menaikkan taraf orang-orang yang berpendapatan rendah seumpama ini dengan mengadakan MARA, dengan mengadakan PERNAS dan mengadakan lain-lain badan untuk menolong mereka ini, saya fikir mereka ini ialah orang-orang yang tidak mempunyai peri-kemanusiaan dan perasaan tanggungjawab kepada keselamatan negara kita.

Kemiskinan

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, soal kemiskinan ini bukanlah sahaja orang-orang Melayu dan bumiputra, malah lain-lain kaum juga ada. Tetapi inilah yang timbul keutamaan-keutamaan (priorities) iaitu memandangkan kepada keadaan yang

begitu teruk dan buruk yang dialami oleh orang-orang Melayu dalam tanahairnya sendiri, dan dalam negerinya sendiri. Usaha Kerajaan untuk memperbaiki ekonomi negara meliputi semua bangsa memanglah adil dan kalau kita bersifat adil sungguhpun Kerajaan mengadakan PERNAS, mengadakan perbadanan-perbadanan ekonomi di negeri-negeri tetapi kalau kita pandangan dan kalau kita semak dengan teliti maka kebanyakan untung atas projek-projek yang dijalankan oleh badan-badan tersebut itu pergi kepada orang-orang yang bukan Melayu kerana merekalah orang-orang yang mempunyai persediaan-persediaan dan kelengkapan untuk menjalankan rancangan-rancangan dan projek-projek itu.

Melayu Dalam Perlumbaan

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu perseorangan atau berkumpul boleh dikatakan belum lagi mendapati segala kemudahan dan nikmat yang dilaung-laungkan itu. Sebenarnya orang-orang Melayu amat sukar bagi mereka untuk mara ke hadapan dalam perlumbaan, dalam lapangan ekonomi dengan sebab tertubuhnya badan-badan seperti PERNAS, MARA, UDA, SEDC dan sebagainya. Setengah-setengah pegawai Kerajaan atau pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam badan-badan tersebut untuk menolong orang Melayu, mempunyai sikap menolak—*refuse and reject*. Bila ada seorang Melayu datang menemui satu-satu Jabatan atau satu-satu badan dengan mempunyai rancangan atau projek yang besar, maka awal pertama yang menerkam kepala manusia itu menusok fikiran mereka ialah adakah orang yang datang ini layak atau tidak, bolehkah dia buat projek yang dia cakapkan itu? Jadi orang yang hendak menolong itu sendiri sudah syak, was-was, ragu-ragu atas kebolehan orang perseorangan itu atau kumpulan Melayu yang datang itu, maka dengan adanya keraguan itu timbullah berbagai-bagai masalah, timbullah berbagai-bagai kesulitan, datanglah berbagai-bagai pertanyaan dan soal yang menyulitkan keadaan orang yang datang itu, sehinggakan orang yang datang hendak minta pertolongan dan kemudahan itu berasa keciwa, berasa khuatir, berasa bimbang tidak berani hendak melangkah ke hadapan. Ada juga setengah-setengah orang Melayu yang cuba hendak berdiri di tengah-tengah masyarakat ekonomi, perlumbaan ekonomi ini, kadang-kadang mereka cari jalan dan jumpa

Menteri untuk membawa perkaranya supaya kalau boleh Yang Berhormat Menteri yang mempunyai kuasa politik dapat menolongnya. Kadang-kadang bila orang itu pergi berjumpa rupa-rupanya pak Menteri kita sudah well briefed. Orang yang datang itu terpaksa melalui ranjau dan duri dan bila sampai kepada Menteri tiba-tiba meletup bom yang menghancurkan segala harapan yang dia bawa sewaktu dia masuk ke bilik Menteri itu. Ini pengalaman yang dirasakan oleh orang-orang kita Melayu yang sedang dihasat dengki dan diiri hati oleh setengah-setengah orang kita yang bukan Melayu. Ini keadaannya. Sehinggakan ada setengah rakan-rakan saya pernah berkata kepada saya: It is a disadvantage to be a Malay.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Kemudian apa hendak jadi?

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar:
Dari sini, Tuan Yang di-Pertua, ke mana kita hendak tuju? Dalam pada keadaan kita kelam-kabut hendak menegakkan kedudukan kita dalam lapangan ekonomi negara, datang rakan-rakan kita yang bukan Melayu dalam Dewan ini menumbuk kanan, dan kiri mengatakan Kerajaan menolong kapitalis Melayu. Di mana ada kapitalis Melayu?

Kawasan Industri di Pasir Gudang

Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersungut waktu melawat di Johor. Katanya tidak ada seorang Melayu yang meminta kawasan industri di Pasir Gudang. Tidak ada seorang, tidak ada kompeni Melayu yang minta. Dan ini telah menimbulkan controversy di Negeri Johor dan saya sungguh-sungguh berasa dukacita dengan kenyataan Ketua Dewan Perniagaan Melayu Johor yang telah menyerang hebat SEDC Johor kerana katanya SEDC Johor tidak memberitahu kepada orang Melayu berkenaan dengan peluang-peluang yang dibuka. Saya fikir kenyataan yang seumpama itu tidak harus terbit daripada seorang Ketua Dewan Perniagaan Melayu. Kalau kita hendak berniaga, kita kena buka telinga, buka mata, pergi cari. Bukan hendak minta orang sua kepada kita. Tetapi di sini saya membentangkan kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang sentiasa mengungkit-ungkit bantuan, pertolongan Kerajaan kepada orang Melayu pada hal satu industrial estate di Johor tidak ada seorang, tidak ada

kompeni Melayu yang minta. Ini menunjukkan apa? Sejauh mana Dasar Ekonomi Baru berjaya untuk hendak menegakkan orang-orang kita Melayu?

Sesungguhnya orang-orang kita Melayu pada hari ini dalam lapangan ekonomi masih belum lagi dapat berdiri sendiri, masih menempel-menempel, menumpang dengan orang-orang yang bukan Melayu. Ini kenyataan yang pahit, yang patut disedari oleh rakan-rakan kita dan saudara-saudara kita yang bukan Melayu yang sentiasa iri hati bila Kerajaan cuba hendak menolong dan hendak menegakkan orang-orang Melayu dan bumiputra yang ada dalam tanahair kita ini.

Orang-orang kita kalau tidak ada kawan-kawan dalam Pejabat-pejabat Kerajaan atau dalam badan-badan Kerajaan, payah hendak berjalan, banyak sangat pagar yang dia kena rempuh. Kalau pagar sahaja, tidak mengapa. Kadang-kadang pagar berduri, ada karan pula. Silap-silap pijak, silap-silap jamah dan pegang, parah dibuatnya manusia itu. Tetapi untuk orang-orang yang bukan Melayu dalam lapangan ini tidak sesukar orang Melayu. Kerana orang-orang ini banyak mempunyai pengalaman dan banyak mengetahui liku-liku dan lorong-lorong yang patut ditempo dan dijalan.

Rancangan FELDA

Saya ingin beralih kepada soal FELDA. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah telah membuat kenyataan bahawa dasar FELDA pada masa akan datang akan ditukar dan orang-orang yang akan diambil masuk ke dalam rancangan-rancangan FELDA pada masa akan datang tidak akan dibebankan hutang-hutang. Pada pandangan dan pendapat saya orang-orang ini akan diambil pada permulaannya sebagai buruh yang bekerja dan bukan sebagai peneroka tuan tanah yang dikerjakannya. Ini satu soal yang penting dan patut mendapat perhatian yang lebih teliti daripada pihak Menteri itu sendiri dan juga Kerajaan seluruhnya. Adakah dasar seumpama ini dasar yang baik, atau ini akan menimbulkan rasa keciwa kerana yang penting pada kita ialah hendak memberikan galakan dan dorongan kepada orang-orang yang masuk ke dalam FELDA, dan hendaklah mereka berasa bahawa tanah yang dikerjakannya itu, hak punyanya dan dia bukanlah masuk di situ sebagai buruh makan gaji. Kerana hendak

melepaskan daripada tanggungan hutang, tak mahu dia berhutang, maka dia tidak diberikan tanah itu. Ini akan menimbulkan satu perasaan yang tidak sedap pada pandangan saya kepada para peserta yang akan masuk ke dalam rancangan FELDA pada masa yang akan datang.

Dalam FELDA ini ada banyak masaalah, banyak kesulitan dan saya telah banyak kali meminta daripada Kerajaan supaya mengadakan Jawatankuasa, Badan atau Suruhanjaya untuk menyasat keadaan-keadaan dalam rancangan-rancangan FELDA itu untuk diperbaiki mana-mana perkara dan mana-mana hal yang tidak betul. Salah satu daripada perkara yang penting dalam rancangan FELDA ini ialah Kerajaan apakala melantik Pengurus Ladang (Manager) Kerajaan lebih pentingkan Pengurus yang tahu hal tanam-tanaman dan tidak mementingkan Pengurus yang tahu jiwa manusia. Dia di sana untuk menjaga pokok sahaja bukan hendak menjaga peserta yang datang ke tempat itu. Saya fikir ini satu perkara yang patut dibetulkan kalau kita hendak menengok rancangan FELDA ini betul-betul mendatangkan kejayaan kepada negara kita, kerana rancangan FELDA ini pada saya adalah suatu rancangan Kerajaan yang paling baik, yang paling berkesan, yang paling berguna. Jadi sebelum menjadi terlambat, maka biarlah perkara ini dibetulkan.

Juga di dalam soal FELDA ini, pada satu masa dulu, permohonan-permohonan untuk masuk ke dalam rancangan FELDA telah dibekukan oleh Kerajaan dan beribu-ribu orang yang memohon sehingga hari ini belum lagi disemak oleh Kerajaan siapakah yang harus dapat masuk ke dalam rancangan FELDA, tetapi baru-baru ini saya telah mendapat tahu bahawa pembekuan ini telah dicairkan. Maknanya Kerajaan akan membuka balik lis-lis yang lama untuk membawa masuk orang-orang ke dalam rancangan-rancangan FELDA. Orang-orang yang hendak masuk ke dalam rancangan FELDA ditimbang mengikut point system iaitu umur yang mendapat point yang lebih ialah orang yang berumur antara 18 dengan 35. Jadi kalau dua tiga tahun dulu orang yang memohon berumur 34 atau 35, hari ini sudah berumur 38 ataupun 39, maka mereka akan keciwa sekiranya sistem ini akan dipakai. Oleh sebab itu, saya berharap supaya perkara ini dapat dipertimbangkan dan dapat diperhatikan dalam masa mengambil

peserta-peserta dalam rancangan FELDA. Saya terpaksa banyak bercakap berkenaan dengan FELDA di sini kerana FELDA banyak membuka rancangan-rancangannya dalam kawasan atau dalam Daerah Kota Tinggi yang saya menjadi wakilnya dalam Dewan ini

Pemilihan Peserta-peserta

Se perkara lagi berkenaan dengan rancangan FELDA ini mengenai dengan pemilihan peserta-peserta. Ini saya patut sebutkan kerana ada orang-orang dalam Daerah Kota Tinggi yang dikelilingi oleh berpuluh-puluh ribu ekar rancangan FELDA telah diambil untuk masuk FELDA bukan di kampung dekat kampungnya, tetapi dihantar ke Pahang. Saya pun terkejut melihatkan keadaan ini. Bagaimanakah orang-orang daripada Kota Tinggi dihantar ke Pahang? Rancangan FELDA di belakang rumahnya, sebatu dua batu dari kampungnya. Dia dihantar ke Pahang. Kalau orang dari Pulau Pinang umpamanya dihantar ke Pahang atau ke Kelantan barangkali tidak menjadi soal kerana kita tahu Pulau Pinang tidak ada rancangan-rancangan FELDA di sana. Tetapi kalau orang daripada Kota Tinggi dihantar ke Pahang it is too much. Bagaimana berlaku kesilapan ini pun saya tak tahu. Tetapi saya harap dalam pemilihan yang akan datang perkara ini tidak akan berulang lagi.

Mara

Berkenaan dengan MARA Dewan ini dalam sidangnyanya yang lepas, kalau tak salah, telah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan MARA atau undang-undang tubuh MARA. Saya kurang mengerti kenapa undang-undang atau Perlembagaan MARA ini di pinda dari satu masa ke satu masa. Adakah ini menunjukkan kegagalan MARA dan kalau kegagalan ada dalam MARA apakah yang menyebabkan kegagalan itu? Pada mulanya Dewan ini meluluskan pindaan supaya MARA mempunyai Deputy Chairman. Kemudian dibawa lagi satu pindaan dibuangnya Deputy Chairman. Saya tak tahu adakah kegagalan MARA ini terletak kepada Deputy Chairman atau kepada Chairman atau kepada siapa? Ini patut di siasat di mana datangnya kegagalan itu. Adakah dalam susunan Majlisnya atau dalam pegawai-pegawainya dan orang-orang yang menjalankan kerja dalam MARA itu sendiri. Jadi mendatangkan pindaan-pindaan

di dalam undang-undang tubuh MARA hanyalah mendatangkan kelam-kabut (confuse) dan orang tak tahu siapa yang hendak dipegang, siapa yang hendak dilepaskan dan siapa yang sebenarnya menjadi sebab kegagalan MARA.

Kenaikan Harga Barang

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan harga barang. Ini satu malapetaka yang bukan hanya menimpa negara kita tetapi menimpa seluruh dunia. Malapetaka kenaikan harga barang ini boleh dikatakan semua negara menanggungnya, hanya yang berlainan ialah tentang ada yang berat, ada yang ringan, tetapi tidak ada negara yang tidak menghadapi inflasi di dalam dunia.

Saya hairan juga bila pihak Pembangkang menyerang Kerajaan berkenaan dengan kenaikan harga barang itu. Pada saya Kerajaan telah mencuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah itu. Kita hanya boleh salahkan Kerajaan kiranya Kerajaan dalam menghadapi inflasi atau kenaikan harga barang-barang itu hanya berdiam diri dan berpeluk tubuh, tetapi di dalam Dewan ini dalam masa persidangan sekarang ini kita semua telah mendengar kenyataan-kenyataan yang panjang lebar berkenaan dengan tindak-tanduk dan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi soal kenaikan harga barang-barang itu. Ini satu perkara yang pedih dan sedih, tetapi inilah penyakit dunia hari ini, penyakit manusia seluruh dunia hari ini. Sebab itulah saya gelarkan dan panggilkan dia malapetaka. Siapakah yang boleh mengubat penyakit itu? Bagaimanakah dia timbul, dan kenapakah dia timbul? Pakar-pakar patut mencari sebab-sebabnya, tetapi saya sendiri percaya tidak ada pakar dalam dunia yang boleh mengubat penyakit ini, kalau hendak mengubat penyakit ini dengan sistem politik, sistem ekonomi yang exist sekarang ini yang dipakai di seluruh dunia samada kominis ataupun negara yang bukan kominis, kerana penyakit ini datang daripada sistem itu sendiri, hendak ubah macam mana? Melainkan you get rid of the sistem, find a new one—cari yang baru yang sesuai yang boleh mengubatkannya. Saya telah berulang kali menyatakan bahawa sistem ekonomi yang ada dalam dunia ini dan sistem politik yang ada dalam dunia hari ini sudah bengkerap untuk menyelesaikan problem manusia. Kalau kita tidak tukar sistem itu, kalau manusia tidak cuba mencari

perkara yang baru, sistem yang baru dari segi ekonomi dan politik, maka inilah perkara, inilah penyakit yang manusia dan alam akan hadapi selama-lamanya sehingga mereka rujuk kepada peraturan yang Tuhan turunkan untuk menyusun hidup manusia di dalam dunia ini.

Keretapi

Tuan Yang di-Pertua, soal Kementerian Perhubungan telah berbangkit dalam Dewan ini baru-baru ini atas soal-soal keretapi gelincir, keretapi langgar orang dan berbagai-bagai pelanggaran. Pendek kata Kementerian ini satu kementerian yang paling hebat diperkatakan dalam Dewan ini khas mengenai keretapi dan lain-lain yang bersangkutan dengan keretapi. Saya tidak mahu meminta bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Datuk Kramat meminta Menteri berkenaan resign daripada jawatannya, tetapi satu sahaja yang saya hendak cadangkan, barangkali dia tak serasi dengan Kementerian itu. Kita orang Melayu percaya sangat dengan serasi ini. Jadi inilah masalah yang saya bantah di sini untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri supaya tidak menjadi satu sasaran tikaman lidah Ahli ahli Dewan Rakyat di sini berkenaan dengan Kementerian Perhubungan ini.

Penyakit Dadah

Satu gejala buruk lagi, yang dihadapi oleh negara kita ialah penyakit dadah dan ketagih dadah sehingga terpaksa Kerajaan menubuhkan suatu badan untuk mengatasi masalah dadah ini. Tetapi yang sebetulnya masalah dadah ini bukan masalah dadah itu sendiri. Ini berkaitan dengan kehidupan manusia dalam dunia ini. Manusia dalam dunia ini kalau tidak dikuasai oleh suatu undang-undang, dia hendak bersedap-sedap seberapa yang boleh dan seberapa yang dikehendaki. Jika tak ada sekatan kepada kemahuannya, kecenderungan nafsunya, maka di sini timbulah berbagai-bagai perkara. Dan dadah ini sebagai satu helah hendak mengelakkan daripada keadaan tidak dapat menikmati dengan cara halal apa yang ada dalam dunia ini untuk hendak escape daripada ini semua, dia jadi hippies, dia kejar dadah, di situ dia dapat nikmat memakan drug yang bukan-bukan itu. Jadi keadaan gejala dadah itu banyak berpunca daripada keruntuhan akhlak, keruntuhan dan kemerosotan moral manusia, dan sebab

kemerosotan moral manusia dalam dunia inilah sebab keadaan bebas lepas di antara lelaki dengan perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, kaum lelaki ini, saya boleh misalkan dia sebagai binatang buas macam singa yang menunggu mangsa hendak datang, tiba-tiba kita pergi ambil seketul daging yang elok, kita campakkan kepada dia. Kemudian kita katakan kepada Singa itu, jangan kau makan. Kita dedahkan perempuan dengan pakaian-pakaian yang menaikkan nafsu ghairah, itulah daging yang disuakan kepada Singa. Kemudian minta kepada Singa, kau jangan jamah daging ini. Maka masalah nafsu lelaki ini makin naik. Bila nafsu naik keadaan kelam-kabut timbul dan dengan kemerosotan akhlak manusia, maka di situlah timbul berbagai penyakit dadah dan sebagainya. Kalau kita hendak memperbaiki atau memerangi penyakit dadah ini, kita terpaksa menumpukan usaha kita kepada perbaikan akhlak dan untuk perbaikan akhlak dan moral maka mestilah kita semak balik, kaji semula dasar pelajaran kita kerana kita bukan sahaja berkehendakkan orang-orang yang pandai berkenaan sains dan teknologi, tetapi kita berkehendakkan manusia yang penuh dengan peri-kemusiaan, yang mempunyai jiwa kemanusiaan bukan manusia-manusia yang pandai dalam lapangan sains dan teknologi sahaja. Ini patut dikoordinasikan supaya dapat tindak-tanduk kita itu sebenar-benarnya berkesan untuk mencegah penyakit dadah ini.

Kejadian-kejadian di Timur Tengah

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang patut saya sebutkan di sini ialah berkenaan dengan sikap Kerajaan kita terhadap kejadian-kejadian yang berlaku di Timur Tengah. Tidak syak lagi bahawa Kerajaan kita patut dipuji dan diberi tahniah atas sikapnya yang tegas menyokong pihak-pihak yang benar, pihak-pihak yang menuntut haknya dalam tanahairnya sendiri. Jadi setinggi-tinggi pujian dan tahniah kepada Kerajaan atas sikapnya yang berterus terang. Sebagai akibat daripada kejadian yang sedang berlaku di Timur Tengah, krisis tenaga telah timbul dengan sebab sekatan negara-negara Arab pengeluaran minyak terhadap negeri-negeri lain. Ini satu krisis yang amat besar yang akan melumpuhkan semua negara yang highly industrialised dalam dunia ini. Ini satu

perkara yang bukan ringan. Banyak orang bila bercakap berkenaan dengan krisis ini menghentam Israel, tetapi yang sebetulnya yang ditentang oleh negara-negara Arab bukan segelintir manusia yang ada di Israel itu, negara-negara Arab menentang negara besar, negara giant iaitu Amerika. Yahudi ataupun Israel telah menjadi begitu bongkak, sombong, biadap tidak bertata-tertib international sama sekali, tidak mempedulikan sebarang keputusan (resolution) yang diambil oleh United Nations ataupun Security Council untuk hendak membaikkan keadaan di Timur Tengah. Dua juta manusia atau 3 juta manusia di Israel bolehkah begini bongkak keadaannya, dengan tidak ada satu kilang senjata dalam negerinya. Tentulah keberanian Israel ini dan kesombongan dan bongkaknya ini didorongkan dan digalakkan oleh Amerika. Jadi, apa-apa langkah kita hendak ambil atau kita hendak kutuk maka Amerikalah yang patut mendapat lebih habuan yang sebaik-baiknya dan yang sebesar-besarnya, kerana merekalah yang menyebabkan permainan politik yang merbahaya ini berleluasan di Timur Tengah dan boleh melumpuhkan ekonomi seluruh dunia ini dan inflation akan menjadi hebat, kilang-kilang akan berhenti makin kurang barang pengeluaran dan semakin kurang barang pengeluaran semakin mahal harga barang yang dikeluarkan itu. Makin sedikit barang yang dikeluarkan makin banyak costnya.

Krisis Minyak

Masaalah krisis minyak ini iaitu satu krisis besar yang patut Kerajaan kita mengambil perhatian yang berat dan kita patut menumpukan usaha-usaha kita dan daya kita untuk mempengaruhi Amerika supaya sedarkan bahaya yang dia hendak membawa dunia ini ke dalamnya. Kiranya Kerajaan-kerajaan dunia ini tidak menekankan (pressure) kepada Amerika, saya tidak nampak bagaimana soal Timur Tengah atau Asia Barat itu dapat diselesaikan, kecuali seluruh Kerajaan-kerajaan yang ada dalam dunia ini membuat tekanan dan pressure atas Amerika soal Timur Tengah atau Asia Barat ini tidak akan selesai. Saya harap Kerajaan kita akan bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan yang lain membuatkan tekanan-tekanan (pressure) yang sekuat-kuatnya ke atas Amerika supaya dapat menyelesaikan perkara ini. Jangan kerana hendak menyelamatkan 3 juta manusia

Yahudi yang ada di Israel, kita membahayakan beribu-ribu melion manusia yang ada di seluruh dunia, kerana 3 juta manusia yang ada di Israel hari ini hendak diselamatkan, hendak dijaga, hendak dikawal dan dunia seluruhnya menderita, melarat menempuh berbagai-bagai kesukaran dan bahaya.

Insuran

Tuan Yang di-Pertua, subject saya yang akhir ialah berkenaan dengan insuran. Yang Berhormat sahabat saya dari Larut Utara telah menyerang hebat syarikat-syarikat Insuran kerana katanya syarikat-syarikat insuran yang ada dalam negeri ini menyebabkan banyak kesusahan-kesusahan kepada pemegang-pemegang polisi insuran khususnya motokar, lori, motosikal. Saya fikir sungguhpun ada benar dan betulnya dalam cakapan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara tadi, tetapi untuk hendak merangkum semua komparti-komparti insuran—kulluhum aj-main, saya fikir tidak patut. Kalau ada sesubuh syarikat insuran membuat perkara itu bolehlah diletakkan kesalahan itu atas syarikat yang tertentu, bukan mengumumkan dan meliputi semua syarikat insuran yang ada di dalam negeri ini. Kalau tidak salah saya kita dalam negeri ini mempunyai pejabat insuran yang diketuai oleh Director-General of Insurance. Perkara-perkara yang seumpama ini patut disampaikan kepada Director-General of Insurance supaya memerhati tindak-tanduk dan perjalanan syarikat-syarikat insuran yang ada dalam negeri ini. Tetapi yang lebih penting pada saya berkenaan dengan insuran dalam negeri ini bahawa dalam negeri ini kita mempunyai tidak kurang daripada 100 komparti insuran dan daripada 100 syarikat insuran ini hanya 10 buah atau 11 buah sahaja local insurance atau syarikat-syarikat tempatan. Dan setelah saya menyemak sedikit-sebanyak Undang-undang dan peraturan insuran ini saya dapati Undang-undang insuran yang ada sudah lapuk. Tidak ada satu kawalan yang ketat berkenaan dengan premium-premium yang dikutip oleh syarikat-syarikat insuran ini. Kalau tidak salah hasil daripada premium syarikat-syarikat insuran ini tidak kurang \$200 juta setahun dan kebanyakan wang ini dihantar keluar negeri. Kalau Kerajaan dapat membetulkan keadaan yang pincang ini dan membuat pindaan-pindaan ke atas Akta Insuran yang ada pada hari ini barangkali lebih banyak wang yang ada

dalam negeri kita ini dapat digunakan untuk develop negeri kita ini. Sebaliknya income premium ini adalah menjadi satu hidden income kepada England, bukan menolong kita. Saya fikir Akta Insuran yang ada pada hari ini perlu dipinda. Sebagai satu contoh bila orang-orang tempatan hendak mendirikan atau hendak menubuhkan sebuah syarikat insuran berkehendakkan \$1 juta paid-up capital yang hendak ditunjukkan kepada Director-General of Insurance, tetapi kalau orang asing dahulu menubuhkan satu sen pun dia tidak kena. Jadi banyak lagi dalam Akta Insuran yang perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan dan saya harap Pejabat Insuran atau Insurance Department dalam Kementerian Kewangan ini akan dapat dibesarkan, akan dapat dilengkapkan dan dijadikan betul-betul sebuah pejabat yang baik, yang lengkap, yang kemas untuk memerhati tindak-tanduk syarikat-syarikat insuran yang ada dalam negeri ini supaya tidak timbul sungutan-sungutan bagaimana yang disungutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara sebentar tadi.

5.28 *ptg.*

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have listened with interest to the various Honourable Members who have spoken before me and I would like to take this opportunity, Sir, to make one correction.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta memberi penjelasan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara yang baharu bercakap tadi. Yang Berhormat itu membangkitkan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini mengatakan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak bertanggungjawab. Sebenarnya, kita Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini yang dipilih oleh rakyat semuanya bertanggungjawab, tidak ada seorang pun yang tidak bertanggungjawab.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, some of us may have expressed different views and different opinions, and some of us probably may have made our presentations in a form which is not probably acceptable to others but this is the very nature of things, Sir. If Malaysia is a perfect country, there is no need for this House; there is no need for

Parliament if Malaysia is a paradise. It is not. It is a democracy and that is why we are here, Sir, to express our opinions and I hope all Honourable Members of the House, be they on this side or on that side of the House, will accept criticisms and opinions as is set out here in the Standing Orders, where it is stated that, "No member shall impute improper motives to any other member" and all Honourable Members should have only honourable motives for the good of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, in reading through the speech of the Honourable Finance Minister, there are two fundamental problems which have cropped up, one of which is the creeping inflation and the other one is the debt servicing. These are the two factors, Sir, which seem to be the biggest problems in the Budget which has been presented by the Honourable Finance Minister.

First and foremost, Mr Speaker, Sir, is the creeping inflation which has now assumed galloping proportions and it would pose a serious "if" to the whole projection of the 1974 Budget. Obviously if the energy crisis continues and becomes worse; obviously if the grain shortages of the world persist and if we are not able to grow enough food to feed ourselves and other "ifs", these would have a very unfavourable impact on the 1974 Budget.

